

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Rabu, 7hb. Ogos, 1996**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam bin Awang.

**Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan nombor satu.

**WAD HOSPITAL - CARA MENENTUKAN KEBERSIHAN KAWASAN**

**1. Tuan Haji Ghazali Haji Embong [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Kesihatan menyatakan cara manakah pihak kementerian menentukan kebersihan kawasan dalam wad-wad hospital, kerana didapati ada setengah-setengah hospital sistem perparitan pun tidak baik, berbau busuk dan kawasan di sekitar tidak dibersihkan apatah lagi di bilik tandas.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia ada beberapa cara menentukan kebersihan di hospital seperti berikut:-

- (i) Bagi memastikan tahap kebersihan yang baik diperolehi di setiap hospital, satu garis panduan bertajuk 'Standard Kebersihan Hospital-hospital Kementerian Kesihatan

Malaysia' telah diedarkan melalui pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 5/94.

- (ii) Pelaksanaan pekeliling ini dikemaskinikan dengan pengawasan yang rapi oleh Penyelia Hospital dan Jurutera Hospital.
- (iii) Jurutera Hospital akan memastikan perparitan berfungsi dengan baik dan membuat pembetulan 'drain alignment', dengan izin, bila mana perlu bagi memastikan kelicinan air buangan. Pihak penyelia hospital yang mengawasi pekerja rendah awam pula akan memastikan kebersihan luar dan dalam longkang dibuat secara berkala setiap hari.
- (iv) Bagi memastikan kebersihan tandas mencapai tahap yang diingini, beberapa langkah telah dilaksanakan seperti berikut:-
  - (a) Meningkatkan bilangan kerja pembersihan tandas awam mengikut beban atas jumlah orang yang menggunakannya serta diawasi dengan checklist setiap setengah jam sekali.
  - (b) Memasang floormat plastik di dalam tandas bagi mengelakkan lumpur bertakung apabila kotoran pada kasut terpijak lantai

basah dalam tandas. Bagi program jangka panjang, tugas-tugas kebersihan akan diswastakan sepenuhnya di mana standard kebersihan yang lebih tinggi telah ditetapkan bagi memastikan tahap kebersihan yang terbaik diperolehi setiap masa.

- (v) Kementerian juga sedang merangka program hospital sihat, dengan izin, healthy hospital, yang merangkumi aktiviti peningkatan kebersihan dan keindahan hospital di sepanjang tahun.
- (vi) Namun demikian masih ada sebilangan kecil hospital yang belum mencapai tahap kebersihan yang tinggi kerana kekurangan sumber. Sekiranya ada hospital berkenaan diberi perhatian segera bagi memastikan pelanggan hospital mendapat kepuasan yang sewajarnya.

**Tuan Ding Seling:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ucapkan terima kasih kerana nampaknya banyak rancangan yang akan dibuat baik masa sekarang dan hadapan juga, tetapi seperti yang kita lihat, wad dan juga sink itu banyak kotor, bukan di satu, dua tempat, bagaimanakah dan apakah rancangan kerajaan untuk menentukan ini dibersihkan dengan segera?

Yang kedua, adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk mengubahsuaikan konsep hospital, supaya pesakit-pesakit di situ dijaga juga oleh keluarga mereka, memandangkan tahap penjagaan oleh pegawai-pegawai seperti nurse adalah kurang baik sedikit?

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, baru sahaja semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyarankan supaya orang ramai perlu sama-sama menjaga kebersihan, jangan membuang sampah di merata-rata tempat. Seruan ini termasuklah juga kepada pelanggan-pelanggan hospital yang perlu sama-sama menjaga kebersihan. Kalau pihak berkuasa sahaja menjaga kebersihan tanpa kerjasama orang ramai, tentu kita tidak dapat mengekalkan kebersihan. Oleh itu, saya menyerulah pelanggan-pelanggan hospital supaya memberikan kerjasama menjaga kebersihan kawasan hospital.

Soalan yang kedua, saya tidak dapat maklumat, saya akan memberi jawapan secara bertulis.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Biasanya pada waktu pagi kawasan hospital memang bersih, tetapi selepas tengah hari, bila ramai orang masuk ke hospital, ia akan menjadi kotor. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata ada banyak cara, tetapi cara itu nampaknya, saya ingat tidak begitu berkesan. Adakah pihak kementerian dapat mengadakan satu cara yang lebih berkesan untuk mengatasi masalah ini untuk menjaga kebersihan kawasan hospital sepenuh hari? Sekian.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada. Saya pernah melawat beberapa buah hospital. Waktu pagi kita tengok kebersihan tandasnya baik, tetapi satu jam kemudian bila kita melawat kita tengok orang membuang sampah, minuman dan makanan - semua dibuang di dalamnya,. itulah menjadi masalah. Tidak ada kerjasama dengan pelanggan-pelanggan atau pelawat-pelawat. Jadi, sangat susah untuk kita membersihkan tempat itu. Memang kita ada cara, kita ikut dan kita kuatkuasakan cara itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya beri peluang untuk satu soalan lagi. Dato' P. Krishnan a/l Permual.

**Dato' P. Krishnan a/l Permual:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkaitan dengan kebersihan di Hospital Besar. Kuala Lumpur, terutamanya di wad lama terdapat banyak kucing-kucing- kucing liar berkeliaran di dalam wad. Doktor-doktor, jururawat-jururawat dan pembantu-pembantu hospital juga tidak mengambil endah tentang perkara ini kerana mereka tidak ber'attitude; dengan izin. Oleh yang demikian, apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian Kesihatan?

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah diterangkan tadi, makanan-makanan semuanya dibuang - that attracts a cat. Kalau kita ambil tindakan mahkamah pun, nanti Prevention of Animal Society datang - pun timbulkan masalah, tetapi tindakan telah banyak diambil. Satu

daripada caranya ialah kita tangkap semua kucing dan hantar ke tempat yang lain. Itulah cara yang kita mahu jalankan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Takkan boleh diambil tindakan mahkamah kepada kucing. *[Ketawa]*

### **SEKOLAH - PENSWASTAAN STAF SOKONGAN DAN PEMBERIAN TENDER RENDAH**

**2 Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah sekolah-sekolah yang telah diswastakan staf sokongan (pekerja sekolah) bagi tiap-tiap negeri; dan
- (b) adakah kementerian sedar kesan dari pemberian tender yang begitu rendah kepada pemborong telah menimbulkan masalah kepada pihak sekolah.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji. Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat;

- (a) Kementerian Pendidikan telah menswastakan perkhidmatan sokongan bagi membersihkan kawasan dan mencuci bangunan di 1,031 buah sekolah dan kawalan keselamatan di 1,609 buah sekolah. Pecahannya mengikut negeri bagi membersihkan kawasan mencuci bangunan adalah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Pecahan</b>
Perlis	Tiada
Pulau Pinang	227
Perak	551
Wilayah Persekutuan	Tiada
Selangor	232

Negeri Sembilan dan Melaka	Tiada
Johor	292
Pahang	162
Terengganu	198
Kelantan	609
Jumlah	1,031

Bagi kawalan keselamatan pula, bilangannya mengikut negeri adalah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Jumlah</b>
Perlis	41
Pulau Pinang	94
Perak	149
Wilayah Persekutuan	66
Selangor	363
N. Sembilan	151
Melaka	87
Johor	186
Pahang	256
Terengganu	100
Kelantan	116
Jumlah	1,609

- (b) Pemberian tender tidaklah semata-mata berasaskan kepada harga terendah tetapi juga mengambil kira faktor-faktor lain seperti memenuhi syarat tender, keutamaan tender yang berpengalaman, mempunyai rekod prestasi yang baik dan menawarkan harga yang sesuai dan boleh diterima. Masalah yang timbul di sekolah adalah berpunca daripada kelemahan syarikat terpilih dalam melaksanakan kontrak yang diperolehi.

**Tuan Ding Seling:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut mengenai Sarawak. Apa yang terjadi di sana?

**Dato' Haji. Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Angka-angka bagi Sarawak dan Sabah tidak sampai kepada saya.

**Tuan Eng Hoi Choo:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Adakah kerja membersih bangunan itu termasuk membersihkan tandas di sekolah-sekolah?

Soalan tambahan kedua.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu sahaja.

**Dato' Haji. Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus :** Tuan Yang di-Pertua, itu tidak termasuk tandas.

### PEMBAIKAN SEMULA JALAN - KUALITI

**3. Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah kementerian sedar bahawa kualiti penampalan jalan-jalan semakin merosot sehingga ianya membahayakan pengguna kerana permukaan jalan yang tidak rata. Setakat ini berapakah jumlah kontraktor-kontraktor yang telah didenda kerana tidak menepati kontrak bagi menentukan jalan yang dikorek untuk tujuan tertentu ditimbus balik dengan sempurna.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sedar bahawa kualiti penampalan jalan-jalan yang dikorek untuk tujuan kemudahan awam adalah tidak memuaskan dan seringkali penampalan tidak dibuat dengan cara yang sempurna.



Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontrak menggali dan memulihkan semula permukaan jalan adalah urusan di antara pihak kontraktor dengan agensi-agensi yang menyediakan perkhidmatan awam seperti TNB, Telekom, Jabatan Bekalan Air dan lain-lain. Tindakan mendenda kerana tidak menepati kontrak berkaitan dengan pemulihan semula permukaan jalan yang boleh dibuat oleh agensi yang menandatangani kontrak kerana tidak menepati syarat-syarat kontrak, Kementerian Kerja Raya tidak mempunyai rekod mengenai denda yang telah dikenakan oleh pihak agensi yang disebutkan itu kepada kontraktor yang telah mereka lantik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, bagi jalan-jalan baru yang akan dibina pada masa hadapan, Kementerian Kerja Raya bercadang membina laluan sendiri (service dark) bagi kemudahan awam di beberapa tempat yang merentasi jalan dan di sebelah tepi jalan JKR agar pengorekan jalan dapat dielakkan.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah jalan-jalan yang ada di dalam kawasan pusat pengajian tinggi iaitu Universiti Malaya termasuk di bawah penjagaan Kementerian Kerja Raya kerana saya dapati jalan-jalan di universiti berkenaan amat buruk cara pembuatannya dan bukan sahaja bertampal-tampal tetapi berlubang-lubang. Saya kira sebagai institusi pengajian tinggi perkara ini tidak patut berlaku dan jika sekiranya kontrak-

kontrak yang menjalankan kerja ini tidak di bawah Jabatan Kerja Raya, apakah peranan Jabatan Kerja Raya sebagai ‘consultant’ atau sebagainya dalam hal ini.

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, saya kira kalau Universiti Malaya, jalannya adalah termasuk di bawah DBKL.

#### **KAD PENGENALAN BARU - PROSEDUR MEMBAHARUI**

**4. Tuan Kan Kok Kwan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan dalam menangani prosedur memperbaharui kad pengenalan bagi wargatua serta golongan yang cacat, sama ada Menteri Dalam Negeri dapat merancang satu cara untuk menghantar pegawai-pegawai berkenaan ke kediaman/tempat tinggal golongan yang berkenaan, terutamanya mereka yang uzur dan cacat anggota badan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pendaftaran Negara, ibu pejabat dan negeri ada menyediakan kaunter khas untuk orang-orang tua yang berusia 55 tahun ke atas. Walau bagaimanapun bagi pejabat-pejabat JPN daerah, kaunter ini tidak dapat disediakan kerana masalah ruang pejabat dan kakitangan yang terhad. Di samping itu JPN juga ada menyediakan perkhidmatan ke rumah bagi mereka yang cacat dan uzur dan tidak berkemampuan untuk hadir ke pejabat tersebut apabila ada permohonan dan tertakluk kepada adanya pegawai dan kakitangan.

**Tuan Frankie Chong Yu Chee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, baru-baru ini satu kenyataan daripada Jabatan Pendaftaran Negara yang dikeluarkan tidak berapa lama dahulu mengenai dengan pembaharuan kad pengenalan di Sabah. Dijangkakan lebih kurang hampir 600,000 pemegang kad pengenalan

yang belum membaharui kad pengenalan mereka. Jadi, saya ingin tahu bagaimanakah cara kementerian mengatasi masalah ini dan adakah kementerian mempunyai petugas-petugas khas, khususnya untuk melawat ke kawasan-kawasan pedalaman supaya mereka mendapat perkhidmatan untuk membaharui kad pengenalan tersebut?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, memang JPN di Sabah sangat memandang serius tentang kehadiran pemegang-pemegang kad pengenalan yang boleh dikatakan secara bandingan dengan negeri-negeri lain, Sabah adalah kurang memuaskan. Walau bagaimanapun JPN Sabah telah diarah supaya terus meningkatkan lagi perkhidmatan bergerak (mobile services) dengan izin, ke tempat-tempat pedalaman dan di samping itu kita juga sentiasa menggalakkan orang awam supaya keluar dengan cepat, jangan tunggu sampai bulan yang terakhir. Kalau semua tunggu sampai bulan yang terakhir, memang kita tidak mampu untuk mengatasi masalah kesesakan di kaunter-kaunter .

Saya juga mengambil kesempatan ini meminta kepada semua wakil rakyat, terutamanya di negeri Sabah supaya membantu untuk mengadakan lawatan bergerak dengan berkerjasama dengan JPN, aturkan program-program supaya di tempat-tempat yang masih kurang memuaskan itu, boleh kita kumpul semua orang kampung di satu dewan dan kita bekalkan kakitangan sukarela untuk membantu mengisi borang dan sebagainya. Saya nampak perkara

ini telah dibuat di Sarawak dan nampaknya memuaskan. Mungkin kita boleh mula di Sabah dan untuk 5 bulan yang akan datang.

**Tuan N. Marimuthu:** Apakah status untuk mengambil surat sijil beranak bagi kanak-kanak yang dilahirkan di luar nikah atau bayi yang dibuang. Bila mereka dewasa, adakah mereka mendapat status kewarganegaraan?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan tambahan ini terkerluar daripada soalan asal, tetapi saya beri penjelasan secara ringkas,...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagus, sila.

**Tuan Ong Ka Ting:** ...iaitu seseorang kalau dilahirkan di Malaysia, sekiranya salah seorang daripada ibu bapanya yang tercatat dalam surat lahir itu adalah seorang warganegara ataupun pemastautin Malaysia, maka anak itu tak kira nikah atau tak nikah, dia berhak menuntut taraf kerakyatannya apabila kanak-kanak itu sampai umur 12 tahun. Dia boleh diberikan kad pengenalan biru. Dia kata luar nikah, maknanya kalau anak itu lahir, ibu bapa ataupun ibu seorang sahaja tanpa bapa, maksud saya itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yalah, lebih kurang begitu.

**Tuan N. Marimuthu:** Kalau ibu bapa sudah buang dia,.....

**Tuan Ong Ka Ting:** Itu sudah..... *[Ketawa]*

**Tuan N. Marimuthu:** ....bagaimana dia? Kedua-dua pun tak mahu dia.

**Tuan Ong Ka Ting:** Itu cara macam mana saya sudah tahu, maksud dari segi undang-undang ialah kita tengok surat lahir. Kalau surat lahir itu salah seorang ibu bapa, ada tercatat mempunyai taraf yang saya katakan itu, maka dia boleh di bawah operation of law, dengan izin, jadi warganegara. Itu cara macam mana, satu masalah sosial. Dia tidak ada kaitan dengan interpretasi undang-undang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Marimuthu, itu buang juga pun tak jawab ya. *[Ketawa]*

**Tuan N. Marimuthu:** Sebab, Tuan Yang di-Pertua,.... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak mengapa, teruskan, okay, sila.

**Tuan N. Marimuthu:** Tadi, saya telah pun pergi jumpa pegawai Pendaftaran, Ipoh. Dia kata kes ini, dia minta *late registration*, dengan izin, di manakah beranak, apakah nama bayi, banyak soalan dia tanya. Saya pun sudah keliru. *[Ketawa]* Sebab itu saya tanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, jawapan sudah diberi. Saya ingat kalau jawapan ditambah pun serupa juga kedudukannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Habshah binti Haji Osman.

**Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan nombor 5.

**PERSATUAN BEKAS PERAJURIT - JUMLAH KEANGGOTAAN**

5. **Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang [di bawah S.O.23(2)]** minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah peratus pesara tentera yang tidak menjadi ahli Persatuan Bekas Perajurit. Apakah sebab perkara sedemikian terjadi. Bagaimanakah cara Kementerian Pertahanan bertindak dalam menentukan semua pesara atau bekas tentera berdaftar sebagai Ahli Persatuan Bekas Perajurit.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah dianggarkan lebih kurang 60% daripada bekas perajurit tidak menjadi ahli Persatuan Bekas Perajurit Malaysia. Persatuan Bekas Perajurit Malaysia adalah merupakan satu persatuan ataupun pertubuhan yang kita tidak boleh memaksa bekas perajurit menjadi ahli persatuan berkenaan. Keahlian mereka adalah secara sukarela. Terpulanglah kepada bekas perajurit sama ada mereka berhasrat untuk memasuki persatuan ataupun tidak. Masalah mewajibkan mereka menjadi ahli persatuan tidak dapat dilakukan oleh kementerian. Ini terpulanglah kepada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia untuk membuat program sendiri bagi menarik minat bekas perajurit untuk menjadi ahli persatuan.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan. Pada hemat kerajaan, apakah sebabnya bekas-bekas perajurit ini yang 60%nya tidak ingin menjadi ahli Persatuan Bekas Perajurit?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, sebabnya pelbagai, dan pihak kementerian tidak pernah membuat satu kajian menyeluruh untuk memastikan ataupun menyenaraikan sebab-sebab tertentu.

**Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah pihak kementerian mengesan bekas-bekas perajurit ini, aktiviti menyara hidup mereka sebagai satu kepastian bahawa pembelaan terus-menerus diberikan kepada bekas anggota keselamatan kita ini.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada perangkaan yang lengkap mengenai bilangan sebenarnya jumlah anggota bekas perajurit. Tetapi satu kajian yang dibuat oleh Pusat Penyelidikan dan Perundingan Universiti Utara Malaysia, pada bulan November 1991 merumuskan seperti demikian. Secara amnya, kajian ini mendapati bahawa bekas-bekas perajurit Malaysia merupakan suatu kumpulan yang mempunyai status ekonomi yang sederhana dan mengalami kehidupan sebagai seorang awam yang baik. Terdapat kumpulan kecil yang berada di tahap ekonomi yang rendah dan sekumpulan kecil juga yang berada di tahap status ekonomi yang tinggi. Namun, ini sememangnya merupakan ciri taburan normal sesuatu populasi.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian. Persatuan bekas perajurit ini saya faham didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan

ataupun Persatuan. Di samping itu, kita ada Srikandi. Apakah status legality Srikandi ini kepada Persatuan bekas perajurit?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Srikandi ini seperti jugalah macam Wanita UMNO dalam UMNO.

**Tuan Yang di-Pertua:** Wataniah.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Ataupun Pemuda UMNO. Ada juga kumpulan anak-anak bekas perajurit yang juga mengadakan cawangan dalam persatuan bekas perajurit. Bermakna Srikandi ini tidaklah berdaftar secara terus dengan Akta Pertubuhan ataupun dengan Pendaftar Pertubuhan, tetapi hanya persatuan bekas perajurit yang mendafar, tetapi ada cawangan yang dipanggil Srikandi yang melibatkan wanita dan balu-balu bekas perajurit.

#### **WARGANEGARA ASING - JUMLAH PENGGUNA KAD PENGENALAN PALSU**

6. **Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramai warganegara asing yang berada di negara ini menggunakan kad pengenalan palsu dan dari negara mana.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, dari Januari hingga Jun 1996 seramai 44 orang warganegara asing yang menetap di negara ini telah ditangkap kerana memiliki kad pengenalan palsu, dan negara asal mereka adalah seperti berikut:



**Warganegara asing memiliki kad pengenalan palsu**

Indonesia	30 orang
Pakistan	7 orang
India	3 orang
Thailand	2 orang
Singapura	1 orang
Filipina	1 orang

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berapa ramaikah sindiket-sindiket pengeluaran kad pengenalan palsu yang telah dikesan dan berapa ramai yang telah ditangkap dan apakah hukumannya?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak kata bilangan sindiket memang susah dikenal pasti. Tetapi kalau bilangan orang yang telah ditangkap di bawah ISA setakat ini adalah lebih kurang 130 orang telah pun dimasukkan ke dalam kem pemulihan Kamunting, kerana melibatkan diri dalam memalsukan dokumen-dokumen seperti kad pengenalan, passport dan sebagainya. Mereka ini perlu menjalani program pemulihan untuk 2 tahun. Kalau sekiranya belum puas lagi dari segi peringkat pemulihannya, boleh dilanjut 2 tahun lagi ataupun lebih panjang.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Biasanya kita dapati kad pengenalan palsu ialah kad pengenalan jenis lama. Adakah pihak kementerian dapati kad pengenalan jenis baru dipalsukan juga?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, ada. Tetapi kualitinya tak baik, boleh dikesan dengan senang, kerana kad pengenalan baru kualitinya ada ciri-ciri keselamatan tertentu. Ada juga sebilangan kecil yang dapat kad pengenalan baru palsu bukan kad pengenalan itu palsu, tetapi dia beri maklumat palsu ataupun pemalsuan itu mula direkodnya dari segi kewarganegaraan, surat kelahiran dan sebagainya. Itu sebilangan kecil, tetapi telah pun dikesan dan kita tarik balik kad pengenalannya.

#### **MURID-MURID ORANG ASLI - KEMASUKAN KE INSTITUT PENGAJIAN TINGGI**

7. **Tuan Itam Wali bin Nawan** minta Menteri Pendidikan menyatakan iaitu adakah pihak kementerian bercadang memberi kelonggaran syarat kemasukan murid-murid Orang Asli ke institut pengajian tinggi untuk mempercepatkan proses integrasi ke dalam aliran masyarakat perdana.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, permohonan kemasukan ke institut pengajian tinggi tempatan bagi pelajar-pelajar Orang Asli adalah dibuat berdasarkan semakan kes demi kes bagi kedua-dua program peringkat lepasan SPM, SPVM, dan STPM atau yang setaraf dengannya. Sehubungan itu permohonan daripada pelajar-pelajar Orang Asli adalah dikemukakan secara terus oleh Jabatan Hal

Ehwal Orang Asli kepada Kementerian Pendidikan supaya pertimbangannya dapat dibuat secara khas.

### **PENGGUNAAN SENJATA NUKLEAR - STATUS UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA**

8. **Puan Kamalia binti Ibrahim** minta Menteri Luar Negeri menjelaskan status undang-undang antarabangsa mengenai penggunaan senjata nuklear dan apakah Konvensyen Antarabangsa yang menyekat negara-negara yang mempunyai senjata nuklear daripada mengguna senjata tersebut dengan sewenang-wenangnya. Setakat manakah kita terikat dengan keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa baru-baru ini yang menyatakan ancaman atau penggunaan senjata nuklear adalah bertentangan dengan peraturan undang-undang antarabangsa yang terpakai dalam konflik senjata.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che**

**Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Luar Negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, undang-undang antarabangsa mengenai senjata nuklear adalah terkandung dalam beberapa konvensyen antarabangsa yang antara lain adalah seperti berikut:-

- (i) perjanjian mencegah pertambahan senjata nuklear 1970, ataupun dengan izin, Non Provision Treaty (NPT);
- (ii) treaty on the provision of emplacement of nuclear weapons and other weapons of mass destruction on the sea bed and the ocean floor and in the sub-soil thereof 1971;

- (iii) dengan izin, treaty pending nuclear weapon testing in the atmosphere in autospace and in underwater 1963;
- (iv) perjanjian menyeluruh pengharaman ujian senjata nuklear, dengan izin, comprehensive test ban treaty (CTBT) kini dalam proses perundingan di Geneva.

Malaysia adalah negara ahli kepada kesemua konvensyen tersebut kecuali CTBT yang belum lagi dimuktamadkan. Negara-negara ahli kepada konvensyen-konvensyen ini adalah terikat untuk mematuhi peruntukan-peruntukan di dalam konvensyen-konvensyen tersebut. Walau bagaimanapun, tidak ada undang-undang antarabangsa adat atau konvensyen yang memberi kuasa yang tertentu bagi mengenakan ancaman atau menggunakan senjata nuklear.

Tidak terdapat juga undang-undang antarabangsa, adat ataupun konvensyen yang berbentuk larangan secara komprehensif dan universal bagi mengenakan ancaman ataupun mengguna senjata nuklear.

Bagi bahagian kedua, sebagai negara ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Malaysia adalah terikat dengan keputusan-keputusan mahkamah keadilan antarabangsa. Akan tetapi Malaysia tidak terikat dengan sebarang pendapat nasihat ataupun dengan izin, advisory opinion seperti yang baru-baru ini diberikan oleh mahkamah tersebut mengenai isu ancaman ataupun penggunaan senjata nuklear.

**DASAR PERDAGANGAN ANTARABANGSA MALAYSIA, GATTS  
DAN WTO TERHADAP INDUSTRI TEMPATAN - MENGHADAPI  
PERDAGANGAN BEBAS DUNIA**

9. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) perubahan persekitaran dan senario politik dunia telah berlaku di akhir abad ke-20 ini. Suasana perdagangan dunia melalui “multilateral system” yang berasaskan kepada GATT (General Agreement of Tariffs and Trade) telah mewujudkan mekanismanya iaitu WTO (World Trade Organization); dan
- (b) apakah dasar Perdagangan Antarabangsa Malaysia dalam menghadapi suasana perdagangan yang semakin sengit. Adakah WTO dapat berperanan untuk mewujudkan perdagangan yang bebas dan pasaran yang adil serta melindungi negara membangun dan kecil seperti negara-negara di Asia.

39. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) bilakah persetujuan dalam GATTS (General Agreement On Trade Tariff and Services akan berkuatkuasa dan apakah kesan kepada syarikat tempatan; dan
- (b) apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menentukan Industri Tempatan dapat bersaing dengan Industri Antarabangsa supaya kepentingan negara dalam bidang ekonomi dapat dipertahankan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan**

**Kerk Choo Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, bersama-sama pertanyaan ini, izinkan

saya menjawab soalan No. 39 pada hari ini juga

**Tuan Yang di-Pertua:** No. 39? Ya.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Ya, soalan No. 39 yang dibuat oleh Yang Berhormat yang sama juga iaitu Yang Berhormat Hajah Mastika Junaidah binti Husin kerana perkara-perkara yang dibangkitkan adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, WTO iaitu World Trade Organisation, dengan izin, bertanggungjawab untuk melaksanakan kesemua persetujuan yang telah dicapai dalam rundingan perdagangan pelbagai hala pusingan Uruguay. Dengan penubuhan WTO yang mula berkuatkuasa mulai 1hb. Januari, 1995, ianya akan menentukan disiplin perdagangan antarabangsa yang lebih kukuh dan pengawasannya yang lebih selaras. Ia bukan sahaja dapat membendung sentimen perlindungan dan meninggikan keyakinan para pelabur dan usahawan terhadap sistem perdagangan pelbagai hala tetapi juga akan menentukan semua obligasi, konsessi kawalan yang bertujuan mempertingkatkan lagi perdagangan antarabangsa dilaksanakan dengan lebih teratur dan berkesan oleh kesemua negara anggota.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan sistem perdagangan antarabangsa sentiasa bebas, Malaysia telah mengambil peranan yang aktif serta mengamalkan pendekatan-pendekatan yang proaktif dalam mempengaruhi agenda dan rancangan kerja WTO. Malaysia juga akan terus bekerjasama dengan Asean dan negara-negara membangun yang lain untuk mengambil pendekatan sama, dalam memastikan WTO dapat berperanan untuk memelihara

sistem perdagangan yang bebas dan pasaran yang adil khususnya bagi negara-negara membangun yang kecil di Asia.

Tuan Yang di-Pertua, General Agreement on Trade on Services (GATS), dengan izin, telah dikuatkuasakan mulai 1hb. Januari, 1995. Perjanjian ini merupakan asas bagi proses meliberalisasikan perdagangan di sektor perkhidmatan di peringkat pelbagai hala. Malaysia telah membuat tawaran pembukaan pasaran dalam 26 butiran sektor kewangan dan 4 butiran sektor bukan kewangan, seperti perkhidmatan pengangkutan maritim, perkhidmatan profesional, perkhidmatan pembinaan, pelancongan dan perundangan. Tawaran tersebut dibuat dengan syarat dan sekatan tertentu termasuk hak maksimum pegangan ekuiti oleh syarikat dan perseorangan asing, sekatan pembelian tanah, hartanah dan aset serta sekatan ke atas tempoh tinggal di negara ini. Malaysia juga tidak memberi layanan nasional secara automatik. Di samping itu bagi melindungi kedudukan syarikat atau firma tempatan dari persaingan asing, reservation, dengan izin, telah dicatat dengan dasar penggalakkan, dasar berhubung dengan perolehan oleh syarikat-syarikat kerajaan dan hak-hak bumiputra. Sebagai sebuah negara membangun Malaysia telah berlindung buat sementara di bawah peruntukan liberisasi secara beransur-ansur.

Tempoh masa ini akan digunakan oleh kerajaan untuk membangunkan syarikat dan firma tempatan bagi memastikan mereka bukan sahaja dapat bertahan di sebabkan oleh persaingan yang lebih sengit tetapi juga mempunyai

keupayaan untuk mengeksport perkhidmatan mereka dan mengambil peluang-peluang di pasaran luar yang terbuka hasil daripada GATTs.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Dato' Abdul Aziz.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita amat peka dengan pembangunan ekonomi negara-negara maju adalah berasaskan kepada eksploitasi negara-negara yang pernah dijajah oleh mereka. Tetapi kini, setelah negara-negara yang pernah dijajah dulu muncul sebagai the emerging forces dalam erti kata perdagangan, kita dapati negara-negara maju ini menerusi WTO mengenakan pelbagai syarat untuk menentukan kita dapat berdagang sepenuhnya dengan mereka dan syarat-syarat yang ditentukan oleh mereka ialah seperti mereka hendak tanya dari segi tahap pencapaian demokrasi sesebuah negara, dari segi, dengan izin, sweat shop, maknanya....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, minta ringkaskan sedikit preamble, soalnya.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Jadi, soalnya, sejauh mana Malaysia berjaya menentukan WTO ini bebas daripada syarat-syarat yang dikenakan oleh negara-negara maju untuk kita berdagang secara liberal atau terbuka?



**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang membangkitkan perkara-perkara yang sentiasa di dalam perhatian kerajaan Malaysia.

Kerajaan Malaysia sedang berjuang dengan negara-negara yang telah membangun dalam isu-isu seperti alam sekitar, intellectual properties, packaging procedures, demokrasi, human right dan sebagainya. Yakinlah, saya minta keyakinan diberi kepada Kerajaan Malaysia dalam perjuangan dalam perkara ini.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas penjelasan yang diberi. Adakah benar jika isu-isu ini dibawa dalam sidang WHO di Singapura yang akan datang, Malaysia tidak akan menghadiri persidangan itu?

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, setahu saya dalam perkara ini, ini tidak benar.

#### **PENGGANTIAN SKIM PENCEN DENGAN SKIM KWSP PADA KAKITANGAN KERAJAAN**

10. **Dato' P. Krishnan** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa baru-baru ini Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa skim pencen akan dihapuskan dan sebagai ganti skim KWSP akan diperkenalkan kepada kakitangan kerajaan:-

- (a) adakah ianya hanya melibatkan kakitangan kerajaan yang baru dilantik sahaja ataupun ianya meliputi semua kakitangan kerajaan yang telah dimasukkan ke dalam skim pencen; dan
- (b) bilakah ianya akan dikuatkuasa dan bagaimana caranya.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Mohamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, kenyataan tersebut sebenarnya merupakan suatu saranan supaya skim pencen dikaji semula bagi tujuan mengurangkan beban kewangan kerajaan dari segi perbelanjaan pencen serta memberi manfaat yang lebih baik kepada pesara-pesara.

Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah disentuh sebagai satu contoh sahaja dan bukan sebagai cadangan khusus untuk menggantikan skim pencen dengan skim KWSP. Setakat ini tiada apa-apa cadangan untuk menggantikan skim pencen dengan skim persaraan lain.

#### **MASALAH SOSIAL DI KALANGAN REMAJA**

11. **Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan memandangkan masalah gejala sosial di kalangan remaja semakin berleluasa seperti lepak, bohsia, dadah, seks bebas, budaya samseng, buang anak, peras ugut, lari dari rumah, ponteng sekolah, tidak menghormati orang tua dan sebagainya:-

- (a) apakah punca yang mempengaruhi remaja terlibat dengan budaya tersebut; dan
- (b) bagaimanakah kerajaan dapat menggemblengkan berbagai agensi yang berkenaan dalam usaha membanteras gejala sosial di kalangan remaja.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi:

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan bahawa permasalahan remaja masa kini boleh dilihat dari pelbagai sudut dan punca.

Sebab-sebab yang boleh diperkatakan, mengapa remaja begitu mudah terjebak dengan kegiatan-kegiatan negatif ialah kelemahan dan ketahanan diri, pengaruh rakan sebaya, persekitaran, krisis rumah tangga dan pengaruh media massa. Biasanya remaja yang bermasalah akan terbiar terus sehingga mereka akhirnya akan terlibat dengan maksiat, jenayah atau perilaku yang lebih serius. Keadaan yang berlaku menunjukkan kegagalan keluarga mendorong dan membimbing anak-anak terutama dalam persekitaran yang penuh dengan cabaran dan pengaruh. Hubungan kasih sayang, kemesraan dan keprihatinan keluarga terhadap tanggungjawabnya memenuhi keperluan asas anak-anak, jelas tidak diberi kepuasan yang wajar dinikmati oleh mereka.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Saya tanya lain. Kepada Menteri Belia dan Sukan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, jawab itu boleh, tetapi..

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tidak. Saya mahu Menteri Belia dan Sukan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri Belia dan Sukan adakah tidak? Tidak ada ya.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Itu, Setiausaha Parlimen ada.  
*[Sambil menunjukkan kepada Y.B. Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam mana?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Puan Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita mendapat arahan daripada Bahagian Kabinet bahawa kementerian yang diwakili oleh Setiausaha Parlimennya menjawab soalan ini.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ubahlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi boleh jawab. Sebenarnya dalam ramai-ramai ini, kadang-kadang saya lupa Yang Berhormat dari kementerian mana. Tetapi kalau kebetulan Yang Berhormat tidak menjawab bagi kementerian Yang Berhormat dan menjawab bagi kementerian lain, seeloknya kita beri satu statement 'dengan izin'. Jadi, dengan sendirinya izin diberi.

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, saya diminta jawab soalan ini untuk Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Tuan G. Palanivel:** Ada perubahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, eloknya sebelum jawab, buat satu kenyataan bahawa Kementerian Belia dan Sukan meminta kementerian Yang Berhormat menjawab soalan ini dengan izin. Silakan.

**Tuan G. Palanivel:** Tetapi saya ingat Yang Berhormat suka Yang Berhormat Puan Shahrizat Abdul Jalil jawab. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan G. Palanivel:** Tadi saya nampak dia tengok ke situ sahaja. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Sebab kalau penjelasan itu diberi lebih awal, saya tidak bangun. Soalan saya jelas meminta Menteri Belia dan Sukan. Bukan soal suka tidak suka. *[Ketawa]*

**Tuan G. Palanivel:** Ini bukan pilihan saya. Pagi tadi saya diberi tanggungjawab untuk menjawab. Dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh. Boleh.

**Tuan G. Palanivel:** Saya suka Yang Berhormat Puan Shahrizat jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi sekarang Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail sudah suka kepada Yang Berhormat. *[Ketawa]*  
Sila. Sila jawab.

**Tuan G. Palanivel:** He is very dissappointed, dengan izin. *[Ketawa]*  
Tidak tahu di mana saya berhenti. *[Ketawa]* Saya sambung semula.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak mula balik pun boleh.

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan bagi soalan:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan bahawa permasalahan remaja masa kini boleh dilihat dari pelbagai sudut dan punca.

Sebab-sebab yang boleh diperkatakan mengapa remaja begitu mudah terjebak dengan kegiatan-kegiatan negatif ialah kelemahan dan ketahanan diri, pengaruh rakan sebaya, persekitaran, krisis rumah tangga dan pengaruh media massa.

Biasanya remaja yang bermasalah akan terbiar terus sehingga mereka akhirnya akan terlibat dengan maksiat, jenayah atau perilaku yang lebih serius. Keadaan yang berlaku menunjukkan kegagalan keluarga mendorong dan membimbing anak-anak terutama dalam persekitaran yang penuh dengan cabaran dan pengaruh. Hubungan kasih sayang, kemesraan dan keprihatinan keluarga terhadap

tanggungjawabnya memenuhi keperluan asas anak-anak, jelas tidak memberi kepuasan yang wajar dinikmati oleh mereka. Melalui media perhubungan ini, anak-anak dapat merasakan kemesraan bimbingan ibu bapa yang sangat bermakna bagi pertumbuhan dan pembesaran mereka sebagai insan berfikir. Kebudayaan berfikir merupakan unsur utama untuk menjana proses yang membolehkan seseorang itu membuat pilihan di antara yang baik dengan yang buruk serta bertindak secara positif mengikut lunas-lunas agama, sosial dan budaya yang diterima oleh masyarakat. Faktor ini juga merupakan kematangan dan kekuatan daya tahan diri seseorang bagi menghadapi cabaran hidup yang dilaluinya.

- (b) Kebanyakan program pencegahan untuk membanteras gejala sosial di kalangan remaja adalah melalui aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Kebajikan Juvana di peringkat daerah. Usaha menjayakan aktiviti-aktiviti ini merupakan hasil bersepadu di antara agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan, Polis Diraja Malaysia dan lain-lain agensi tempatan. Beberapa program yang dapat meluaskan minda dan membantu menekankan

pembinaan insan yang berhemah dan seimbang telah pun dijalankan seperti berikut:-

**Tuan Yang di-Pertua:** "Berkhemah" ataupun "berhemah?"

**Tuan G. Palanivel:** Berhemah. Minta maaf.

- (i) menganjurkan kem bina semangat, kem kerja ke arah melahirkan golongan remaja sebagai insan yang bermartabat tinggi dan cemerlang supaya mereka mampu menangani wawasan negara kita;
- (ii) menganjurkan projek komuniti di kawasan yang berisiko tinggi ke arah membantu mengatasi peningkatan permasalahan remaja;
- (iii) menganjurkan berbagai seminar, ceramah dan bengkel, bertujuan mendedahkan masyarakat umum mengenai permasalahan remaja dan cara-cara mengatasi, mencegah penularan masalah-masalah tersebut. Melengkapkan golongan remaja dengan kemahiran yang diperlukan seperti kursus kepimpinan, kursus meningkatkan sahsiah remaja dan lain-lain, mendidik para ibu bapa mengenai kemahiran



keibu-bapaan agar mereka lebih mampu dan berkeyakinan mendidik anak-anak remaja mereka dalam persekitaran masa ini;

- (iv) menganjurkan latihan meningkatkan kerjaya remaja seperti latihan dalam bidang komputer supaya mereka dapat ditempatkan dalam pekerjaan yang sesuai;
- (v) menganjurkan aktiviti sukaneka dan ekspedisi mendaki bukit ke arah membina kecergasan fizikal dan kehidupan sihat golongan remaja;

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi Yang Berhormat jawapan itu?

**Tuan G. Palanivel:** Sedikit, satu dua minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang sangat. *[Ketawa]*

**Tuan G. Palanivel:** Tetapi soalan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang!

**Tuan G. Palanivel:** Soalan ini meliputi 10 masalah. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi beri peluang....

**Tuan G. Palanivel:** Satu dua minit.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** *[Bangun]*

**Tuan G. Palanivel:** Kementerian Perpaduan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti minta laluan dalam jawapan.....

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Saya minta laluan, Tuan Yang di-Pertua. Saya bertanya iaitu soalan (b) “bagaimanakah kerajaan dapat mengemblengkan berbagai agensi....” bukan tanya aktiviti.

**Tuan G. Palanivel:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, betul.

**Tuan G. Palanivel:** Saya baru jawab yang itu.

Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat juga merupakan salah satu agensi di antara 13 agensi yang memegang.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi Yang Berhormat nampaknya jawapan itu langkah - langkah, bukannya pengemblengan. Kalau kita beri peluang kepada soalan tambahan lebih elok, kerana terlalu panjang sangat jawapannya.

**Tuan G. Palanivel:** Ya, okay. Ini satu-dua saat sahaja, saya hendak habiskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi, dua minit, sekarang satu-dua saat. Okay.

**Tuan G. Palanivel:** Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat juga merupakan salah satu agensi di antara 13 agensi yang menganggotai mesyuarat Jawatankuasa Kabinet bagi membanteras masalah sosial yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu 10 saat - 100 meter.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu memang jelas sampai saya tidak faham [*Ketawa*] kerana cara-cara itu hanya untuk golongan remaja yang biasa, yang bukan rosak teruk, tetapi tidak ada cara untuk mengatasi masalah remaja yang akhlaknya rosak teruk, jadi apakah caranya? [*Ketawa*]

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, untuk mengawal remaja yang sudah rosak fikiran mereka, kita ada jawatankuasa juvana di peringkat daerah dan juga kita ada sesi kaunseling untuk mereka. Kita juga ada beberapa buah Rumah Tunas Harapan di seluruh negara.

Peranan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ialah ‘pencegahan, pemulihan dan perlindungan’, kita memainkan tiga peranan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya harap Tuan Ng See Tiong sudah faham sebab pendek, sekarang Puan Dr. Ng Yen Yen pula.

**Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa peratuskah daripada golongan remaja kita yang di bawah kategori problem cases, berrisiko tinggi dan apakah maknanya ‘risiko tinggi’ untuk remaja kita? Adakah kementerian mempunyai statistik, kumpul daripada sekolah-sekolah, kementerian lain dan NGOs untuk mengatasi masalah ini?

**Tuan G. Palanivel:** Walaupun saya tidak ada angka-angka untuk semua pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat, tetapi saya ada sedikit angka-angka ini.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya sebut?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau hendak beri notis pun boleh selepas itu.

**Tuan G. Palanivel:** Tidak apa, saya akan edarkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, sila.

**Tuan G. Palanivel:** Anggaran jumlah penduduk pada tahun 1995 ialah 20.7 juta dan dari itu yang berumur 10 hingga 19 tahun ialah 4.3 juta, yang terlibat dalam masalah saya boleh baca, tetapi panjang....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat beri notislah, sebab banyak lagi soalan.

**Tuan G. Palanivel:** ..... 50,000 orang terlibat dalam masalah, termasuk 20,000 orang - jenayah dan 4,000 orang dalam....

**Dr. Ng Yen Yen:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, laluan dari Dr. Ng Yen Yen.

**Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Maksud soalan saya ialah, masa kita hendak membuat satu polisi, kita memang tahu berapa peratus golongan kita yang menghadapi masalah, jadi tidak payah kita teliti, anggar sahaja 10%, 5% atau 15% itu sahaja - tidak payah detail.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan G. Palanivel:** Saya boleh jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila jawab. *[Ketawa]*

**Tuan G. Palanivel:** Dari 4.7 juta orang, yang terlibat dalam masalah ialah kurang dari 50,000 orang - peratus saya belum kira lagi [*Ketawa*] boleh kiralah!

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik - baik. Jadi, dengan sendirinya boleh dikira peratusannya. [*Ketawa*]

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Last one!

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini popular, Datin Hajah Wan Intan pun hendak masuk sama, sila.

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tuan Yang di-Pertua, mendengar jawapan dari Kementerian Belia dan Sukan, memang 'canggih', 'cantik', 'lawa', perancangan yang diatur pun bukan main banyak, tetapi saya sebagai Pengerusi Juvana di Klang tidak mendengar perkara ini semua, tidak ada banyak rancangan yang berlaku?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat bukannya.....

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** ... dan lebih-lebih lagi, apabila kita tanya jawapannya 'sedang diatur, sedang dirancang atau dah rancang atau dapat diatasi', tidak ada 'di atas, di bawah pun tidak timbul' [*Ketawa*] apa sudah jadi makin bertambah banyak? Apa yang kita hendak tahu ialah bagaimana hendak menghapuskan, hendak mengecilkan angka-angka dengan begitu banyak, itu yang kita tanya, tetapi

jawabannya ‘memang sudah diatur’ seperti permainan sukan dan sebagainya, juvana di Klang ini tidak ada rasa ini semua.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa Yang Berhormat .....

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tidak patut saya sebagai pengerusi tidak tahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat akan jawab, ‘yang di atas dan yang di bawah’ sekali jawab. *[Ketawa]*

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, masalah remaja ini semua golongan masyarakat mestilah mengambil tanggungjawab dan memainkan peranan untuk menangani masalah ini. Seperti yang saya sebut Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, dia memainkan peranan untuk melindungi, mencegah dan membuat permulihan juga, bukan kita sahaja yang bertanggungjawab untuk semua masalah remaja.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat mengenai program-program ini kita menjelaskan melalui jawatankuasa juvana yang sekarang keahliannya lebih dari 2,000 orang. Kita ada 90 jawatankuasa juvana di peringkat negeri di seluruh negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Tuan G. Palanivel:** Dan keahliannya ialah 2,000 orang lebih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Maidom P. Pansai.

*[Soalan No. 12 - Y.B. Datuk Maidom P. Pansai tidak hadir]*

## LEMBAGA LOGAM - CADANGAN PENUBUHAN

**13. Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan Lembaga Logam.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Cik Siti Zainab binti Abu Bakar]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Utama pada masa ini sedang mengkaji kemungkinan dan kesesuaian untuk menubuhkan Lembaga Kemajuan Industri Mineral yang akan mempunyai bidang tugas dan fungsi yang lebih luas daripada Lembaga Logam.

Sekiranya ditubuhkan Lembaga Kemajuan Industri Mineral ini akan menumpukan fokus kepada bukan sahaja pembangunan mineral-mineral seperti timah, tembaga, emas, bauksit dan besi, tetapi juga kepada pembangunan bahan-bahan mineral perindustrian seperti lempung bebola (ball clay), dengan izin, kaolin dan batu-batu agregat. Terdapat juga cadangan bagi lembaga ini memastikan bahawa penyelidikan dan pembangunan terhadap sumber-sumber mineral negara dijalankan, supaya ianya juga dapat menyumbang kepada program pembangunan dan perindustrian negara. Namun demikian, kerajaan belum lagi mengambil keputusan muktamad mengenai penubuhan Lembaga Kemajuan Industri Mineral tersebut.

## MAHKAMAH SYARIAH - MENINGGIKAN TARAF

**14. Puan Kelsom binti Yaacub** minta Perdana Menteri menyatakan, memandangkan kepada usaha kerajaan untuk meninggikan taraf Mahkamah Syariah di negara ini setaraf dengan Mahkamah Awam, adakah kerajaan bercadang meletakkan semua Mahkamah Syariah di bawah satu jabatan dan ditadbirkan di bawah Pusat Islam.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berusaha untuk menyusun semula Mahkamah Syariah seluruh Malaysia dengan mewujudkan perkhidmatan gunasama pegawai syariah di seluruh negara. Perkhidmatan ini akan diketuai oleh Ketua Hakim Syarie Malaysia. Kerajaan juga telah bersetuju untuk menubuhkan Jabatan Kehakiman Syarak Malaysia yang akan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri

**Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan hasrat kerajaan untuk meninggikan lagi taraf Mahkamah Syariah, saya ingin tahu, berapa ramaikan rakyat Malaysia pada hari ini yang telah memiliki ijazah undang-undang syariah?

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, mereka yang memiliki ijazah syariah ini ada dua kumpulan, pertama ialah mendapat degree dalam Fakulti Syariah di universiti-universiti tempatan yakni Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan dan juga Fakulti Syariah di universiti-universiti di luar negeri. Kategori satu lagi ialah di Universiti Islam Antarabangsa, di mana mahasiswa mengambil dua ijazah dalam satu masa, iaitu mendapat LLB di dalam undang-undang dan menambah satu tahun lagi untuk mendapat B.A dalam syariah. Bilangan kedua-dua bidang ini pada masa ini lebih kurang ada 2,000 orang.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam usaha kerajaan untuk mempertingkatkan penguatkuasaan Undang-



undang Syariah, terutamanya undang-undang keluarga syariah, adakah kerajaan bercadang untuk mengatasi salah satu masalah yang biasa dikemukakan iaitu rasa tak puas hati wanita di Mahkamah Syariah? Adakah kerajaan bercadang untuk melantik graduan syariah wanita sebagai pendaftar mahkamah untuk dapat menjadi hakim untuk mengadili kes-kes keluarga di Mahkamah Syariah?

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini dalam usaha kita menjurus ke arah itu. Walau bagaimanapun, ada halangan-halangan tertentu, yang pertama masalah fatwa, tetapi jangan putus asa, apabila mahkamah syariah ini disatukan di peringkat Persekutuan, maka segala kelewatan dan rasa tak puas hati ini insya-Allah akan diselesaikan.

Suka saya menyebut di sini bahawa perkara hal-hal kekeluargaan ini memanglah rumit untuk diselesaikan, kadang-kadang mengambil masa yang lama dan kadang-kadang mendapat tuduhan dan tohmah tak puas hati di mana-mana pihak. Ini perkara biasa kerana masalah keluarga ini sangat sensitif. Bagi seseorang, soal sivil melibatkan RM100,000 misalnya, dia lena tidur, tetapi kalau melibatkan anak tak dapat bersama dia, dia tidak lena tidur, kadang-kadang emak pun tak lena, bapa pun tak lena, *[Ketawa]* sama-sama berkelahi.

Dan satu lagi proses yang kita ambil di Mahkamah Syariah kerana kita berpandukan satu panduan yang diberi oleh syarak bahawa perkara yang halal

tetapi sangat dibenci oleh Allah ialah perceraian, menceraikan orang. Maka proses yang berkenaan ialah apabila ada pengaduan di pihak wanita khususnya, kita halakan mereka dahulu kepada peringkat kaunseling. Maka di peringkat kaunseling ini usaha ialah hendak mendamaikan. Wanita yang berkenaan sudah menyangka itu mahkamah. Maka dia balik merungutlah, kita hendak bercerai dia suruh berdamai. Ha, begitu! Jadi, soal ini akan kita buat penerangan dan akan kita usahakan dan insya-Allah, perkara yang tak puas hati begitu akan dapat diselesaikan.

#### **DRAMA TAMIL DI TV - PENAMBAHAN MASA SIARAN**

15. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) sama ada beliau bercadang menambahkan masa bagi rancangan-rancangan televisyen dalam bahasa Tamil; dan
- (b) langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengeluarkan lebih banyak lagi drama-drama Tamil bagi siaran televisyen negara ini.

#### **Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie**

**bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan sedang mengkaji kemungkinan untuk menambah masa siaran rancangan-rancangan TV di dalam bahasa Tamil. Langkah-langkah yang difikirkan boleh mendorong pengeluaran lebih banyak lagi drama-drama Tamil tempatan untuk siaran televisyen ialah dengan menggalakkan para penerbit mengemukakan cadangan skrip-skrip drama Tamil yang berkualiti dan mencerminkan masyarakat Malaysia.

Pada masa ini skrip-skrip drama yang diterima oleh RTM terlalu condong kepada persembahan filem-filem terbitan India yang tidak begitu sesuai dengan cita rasa penduduk di negara ini.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya sekarang ini adalah berkenaan dengan masyarakat Tionghua. Sama ada Menteri Penerangan berniat untuk menambahkan masa ataupun program rancangan-rancangan televisyen dalam bahasa Tionghua untuk masyarakat Tionghua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Yim, ini strictly speaking, dengan izin, soalan tambahan itu tak ada kaitan dengan soalan asal. Tetapi saya pulangkan kepada pihak Kementerian Penerangan, kalau hendak jawab boleh, kalau tak mahu pun tidak apa. *[Ketawa]*

**Tuan Yim Chee Chong:** Ya, dengan izin. Terima kasih. Beri layanan yang adil kepada orang Cina di samping orang India. *[Ketawa]*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Kita beri layanan yang adil kepada semua, tetapi tidak semua bahasa kita boleh layan. Kalau Tionghua kemungkinan bahasa-bahasa yang lain juga akan turut meminta kepada kerajaan untuk bahasa mereka digunakan, disiarkan dalam drama-drama, maklumkan masyarakat kita di negara ini masyarakat yang majmuk, Tuan Yang di-Pertua, bukan hanya masyarakat India, bukan hanya masyarakat Melayu, masyarakat Cina, ada juga Iban, ada juga Dayak dan lain-lain. Makanya perlu

ada pertimbangan yang sewajarnya untuk kita siarkan, masa juga dihadkan di peringkat kementerian.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Filem yang ditayangkan di kaca televisyen biasanya di ‘censor’ berlebih-lebihan sehingga ceritanya tidak bersambung-sambungan. *[Ketawa]* Adakah pihak kementerian bercadang untuk memperbaiki keadaan ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini balik kepada soalan asal, adakah berkaitan yang di ‘censor’ ini filem Tamil ataupun filem Cina?

**Tuan Ng See Tiong:** Filem Tamil pun dia ‘censor’ juga. *[Ketawa]* Semua filem Tamil atau filem Tionghua, filem Barat, cerita yang syok di ‘censor’. *[Ketawa]* Itulah soalan saya, kadang-kadang kita rasa tak puas hatilah.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, sebetulnya mengenai dengan penapisan ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri, di mana kita juga terlibat dalam perkara itu dan di peringkat kementerian, bukan hanya kita hendak menapis di peringkat Kementerian Dalam Negeri bahkan di Kementerian Penerangan sendiri. Bila mana penapisan itu selesai di peringkat kementerian, di Kementerian Penerangan juga akan menapis di mana kita rasa adegan-adegan yang tidak sesuai, yang harus kita paparkan di kaca mata TV kita tidak boleh, there is no compromise, dengan izin, supaya kita dedahkan

bahawa ada adegan-adegan yang membawa unsur-unsur yang tidak baik kepada masyarakat apatah lagi generasi kita. Ini adalah satu langkah yang kita tidak boleh compromise, makanya mungkin ada Ahli Yang Berhormat tonton drama-drama yang terpaksa kita potong sedikit drama tersebut.

Makanya, seperti yang saya nyatakan tadi, kalau pun drama Tamil, perlihatkan, kita menggalakkan kepada penerbit-penerbit di negara ini supaya dapat mengeluarkan satu drama-drama yang cukup baik prestasinya, yang bersangkutan-paut dengan cita rasa masyarakat di negara kita ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tadi tentang potong-memotong kan? Tidak mengapalah soalan itu sudah merangkumi semua perkara itu. Soalan akhir.

#### **PELABUHAN DI YAN - PEMBINAAN DAN FUNGSINYA**

16. **Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah boleh pelabuhan di Yan seperti yang dirancangkan itu dibina sebagai ganti Pelabuhan Butterworth untuk mengendalikan kargo atau minyak yang akan melalui Jambatan Darat (Golden Line) ke Songkla, Thailand. Jika tiada, mengapa.

43. **Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan tentang pelabuhan di Yan, Kedah:

- (a) bilakah akan dibina;
- (b) jumlah peruntukannya;
- (c) konsepnya.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menjawab soalan ini bersama

dengan soalan No. 43 yang juga dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad yang telah dijadualkan pada tarikh yang sama pada hari ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okay, baik.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan tidak ada rancangan untuk membina sebuah pelabuhan di daerah Yan kerana didapati Pelabuhan Pulau Pinang masih mampu mengendalikan kargo-kargo bagi kawasan utara. Kementerian juga tidak menerima apa-apa cadangan untuk membina sebuah lagi pelabuhan di daerah Yan di Kedah.

Bagaimanapun, saya suka memaklumkan di Kedah pada hari ini terdapat enam buah jeti, walaupun tidak ada pelabuhan iaitu Jeti Pulau Tuba, Langkawi; Jeti Kuah, Langkawi; Pelabuhan Teluk Iawa, Langkawi; Jeti Kargo, Kuala Kedah; Jeti Penumpang Kuala Kedah dan juga Pontoon, Kuala Kedah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12, 17 hingga 38, 40 hingga 42, 44 hingga 59 akan dijilid dalam buku berasingan]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG CUKAI JUALAN (PINDAAN) 1996****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****3.37 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu rang undang-undang bertajuk suatu akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972 dibacakan bagi kali yang kedua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Wong See Wah:** Akta Cukai Jualan 1972 ialah undang-undang yang mentadbir dan mengawal pungutan cukai jualan. Perlaksanaan akta ini dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja.

Sepertimana ucapan saya bagi Pindaan Akta Kastam 1967, Pindaan kepada Akta Cukai Jualan ini perlu dibuat berasaskan persetujuan di bawah Artikel 17 (2), perjanjian di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Thailand, mengenai Perlembagaan dan hal-hal lain berkaitan dengan penubuhan Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand, dengan izin, Malaysia-Thailand Joint Authority (MTJA). Perjanjian ini ditandatangani pada 31hb. Mei 1990. Hasil perjanjian ini wujudlah Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990 untuk tujuan mengawal selia perjalanan usaha sama Malaysia-

Thailand di kawasan pembangunan bersama, dengan izin, Joint Development Area (JDA) di Teluk Siam.

Bagi melaksanakan persetujuan antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand itu, pindaan kepada Akta Cukai Jualan 1972 perlu dibuat khusus untuk mengecualikan cukai jualan di kawasan pembangunan bersama. Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 1 akta untuk memperuntukkan bahawa Akta Cukai Jualan 1972 tidaklah terpakai bagi kawasan yang dikenali sebagai kawasan pembangunan bersama. Fasal 3 bertujuan meminda seksyen 2 akta untuk memasukkan takrif bagi “Kawasan Pembangunan Bersama”.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum kita berbahas rang undang-undang ini saya ingin menyatakan bahawa kita mempunyai Rang Undang-undang yang berjumlah 15 kesemua sekali dan kita ada masa daripada hari ini sampai besok. Jadi, terpulanglah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada hendak berbahas secara panjang lebar setiap seorang ataupun untuk menggunakan masa seekonomik mungkin supaya memungkinkan kita tamat pada esok hari pada pukul 6.30 petang. Kalau tidak,



kita tidak ada alternatif lain, melainkan kita terpaksa sambung pada waktu malam juga untuk menghabiskan.

Jadi, saya bersikap demokratik dalam perkara ini dan apabila mendapat peluang bercakap nanti, gunakanlah dengan sewajarnya. Kalau panjang bererti akhir akan panjang dan mungkin tidak akan habis dalam waktu regular. Itu sahaja peringatan saya.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tuan Charern.

**3.41 ptg.**

**Tuan Charern Intachat:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang meminda Akta Cukai Jualan 1972 ini. Pindaan ini adalah terang dan jelas. Berkaitan dengan cukai jualan, saya pohon Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan memaklumkan tentang bilakah cadangan sistem percukaian baru SST (Sales and Service Tax) akan dimulakan sebagai menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan sekarang.

Harap juga mendapat pengesahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada benar, adanya cadangan kerajaan untuk menswastakan pungutan cukai SST ini? Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Singkat perbincangan itu, tetapi tidak apa. Sila Tuan Rahim.

**3.43 ptg.**

**Tuan Rahim bin Baba:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut sama untuk memberikan pandangan dan juga seterusnya menyokong Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 1996.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita mengalu-alukan pengecualian terhadap cukai jualan bagi kawasan JDA sepertimana yang telah pun disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi, tetapi apa yang saya harapkan ialah dalam kita memberikan pengecualian untuk kawasan-kawasan di Joint Development Area ini, janganlah berlaku penyelewengan ataupun penyalahgunaan dan kita berharap supaya Jabatan Kastam dan Eksais mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk memastikan tidak berlaku penyelewengan-penyelewengan ataupun penyalahgunaan daripada pengecualian cukai jualan ini kerana tujuannya memanglah baik bagi memastikan kawasan-kawasan ini dapat terus membangun dan juga selaras dengan hasrat kerajaan untuk membangunkan kawasan-kawasan yang kurang membangun.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kita membincangkan soal cukai jualan ini, saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, sepertimana yang kita ketahui, cukai jualan (sales tax) 5% ini telah pun diperkenalkan sejak tahun 1972 dan skopnya telah pun bertambah. Apa yang kadang-kadang terlintas oleh saya ialah bagaimana

pihak kerajaan memastikan supaya cukai jualan yang dibayar oleh pengguna ini dan di bayar melalui mereka yang menjual barang-barang ini benar-benar sampai kepada kerajaan. Malahan di restoran pun, kalau kita pergi makan sudah ditulis sales tax 5%. Jadi, macam mana kerajaan hendak memastikan?

Kadang-kadang terfikir oleh saya betulkah cukai yang dikenakan itu benar-benar sampai ke pihak kewangan kerajaan atau hanya diambil kesempatan oleh peniaga-peniaga tertentu. Bagaimana mekanisma yang digunakan oleh pihak kementerian atau pihak Jabatan Kastam dan Eksais untuk memastikan wang ini betul-betul sampai ke pihak-pihak yang sepatutnya menerima cukai ini. Jadi, saya berharap supaya pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dapat menjelaskan cara pengutipan. Kalau di tempat-tempat yang establish, mungkin mudah - misalnya kalau di hotel ataupun di restoran-restoran yang ternama mungkin ini sudah di print-out, tetapi di restoran-restoran yang kecil itu pun kadangkala mengenakan cukai-cukai jualan, tetapi bagaimana pula cara pihak kastam hendak memastikan cukai-cukai jualan ini dikutip dengan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh, sekarang ini kerajaan memang dalam usaha untuk menggalakkan pelancongan - tidak dapat dinafikan bahawa pelancongan merupakan di antara foreign exchange earner, dengan izin, yang banyak di negara kita ini. Disamping kita mengalu-alukan, kita juga hendaklah memikirkan, dengan kita memasuki WTO tidak berapa lama lagi,

persaingan-persaingan yang sengit dan kawasan-kawasan di sekeliling kita, di sesetengah kawasan, umpamanya di Singapura dan sebagainya tidak mengenakan sebarang cukai jualan, adakah ianya boleh memastikan Malaysia ataupun Kuala Lumpur akan menjadi satu tempat yang kompetitif untuk pelancong-pelancong shopping ataupun membeli-belah di kawasan ini.

Jadi, adakah kerajaan memikirkan untuk menghapuskan ataupun memberikan keistimewaan-keistimewaan tertentu kepada pelancong-pelancong yang datang ke negara ini untuk dikecualikan daripada cukai jualan kepada mereka ini sebagai satu attraction. Kalau kita pergi ke negara-negara maju, biasanya, kalau kita membeli sesuatu kita boleh mendapat balik claim atau rebat "VAT" biasanya kerana barang-barang yang dibeli tidak digunakan di negara yang berkenaan dan adakah kerajaan juga akan memikirkan faedah-faedah yang di jalankan di negara-negara maju.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokong Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 1996.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada lagi. Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Ini ekonomikal betul perbincangan ini. Sila.

**3.48 ptg.**

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Charern dan juga Yang

Berhormat Tuan Rahim Baba kerana telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini.

Mengenai SST yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Charem itu, setakat ini kerajaan masih dalam peringkat pertimbangan untuk menentukan sama ada SST ini akan dilaksanakan ataupun tidak. Mengenai konsep hendak menswastakan Jabatan Kastam, itu belum ada cadangan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat.

Pandangan Yang Berhormat dari Tuan Rahim Baba iaitu berkaitan dengan Joint Development Area, dikhuatiri pengecualian ini akan disalahgunakan. Saya ucapkan terima kasih di atas pandangan ini dan akan diambil perhatian supaya pengecualian ini tidak akan disalahgunakan.

Mengenai cukai jualan dan saya percaya dicampur aduk juga dengan cukai perkhidmatan, iaitu untuk memastikan supaya kedua-dua lesen ini dapat dikutip dengan sempurna, sebenarnya kerajaan mempunyai mekanisma yang tertentu, iaitu sesuatu pekedai yang telah dapat menjalankan perniagaannya sampai ke tahap trestle, katalah restoran, sudah sampai ke peringkat 100,000 setahun, maka dengan itu adalah wajib untuk gerai itu memohon lesen untuk dikutip cukai. Maknanya ini menjadi tanggungjawab pekedai itu untuk mengenakan cukai jualan ataupun cukai perkhidmatan daripada perkhidmatan ataupun penjualannya.

Dengan itu juga diwajibkan untuk memungut segala kutipan itu, kemudian perlu dihantar, serah balik kepada semua ini dalam jangka masa yang telah ditentukan kepada pihak jabatan. Memang Jabatan Kastam mempunyai sistem yang tertentu dan garis panduan yang ketat supaya perkara ini dapat dijalankan dengan sempurna. Walau bagaimanapun, memang terdapat juga ada yang tidak memohon cukai, memohon lesen untuk menjalankan tugas masing-masing. Ini pun dapat diperisikkan oleh pihak Jabatan Kastam dan tindakan undang-undang diambil, penyiasatan diambil dan tidak dapat dilepaskan. Saya rasa setakat ini sistem yang digunakan itu bolehlah dikatakan sempurna dan pihak jabatan sentiasa mengkaji, dan untuk menutup lubang-lubang yang tertentu.....

**Tuan Rahim bin Baba:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato'.

**Dato' Wong See Wah:** Biar saya habis dahulu.....lubang-lubang yang tertentu dan dapat disempurnakan sistem seumpama ini. SST memang satu sistem yang lagi sempurna kalau dibandingkan dengan sistem yang ada sekarang. Itulah mengapa dikatakan sistem SST masih di dalam peringkat pertimbangan dan mungkin akan dilaksanakan kemudian.

**Tuan Rahim bin Baba:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Rahim bin Baba:** Saya cuma ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita sebagai pelanggan, kadangkala apabila dibayarkan bil, kita dikenakan cukai jualan. Jadi, bagaimana kita hendak tahu sama ada satu kedai itu berhak mengutip cukai jualan ataupun tidak. Adakah umpamanya lesen ataupun adakah ia dipamerkan sesuatu, kerana kita pun tidak tahu jualan dia sampai atau tidak RM100,000. Jadi, kita sebagai pelanggan, kadangkala dikenakan cukai jualan 5%, tetapi kita tidak tahu sama ada dia berhak mengutipnya ataupun tidak. Jadi, kita sebagai pelanggan, adakah cara, bagaimana kita hendak tahu sesuatu outlet itu boleh mengutipnya ataupun tidak. Adakah dia ada lesen, dipamerkan ataupun sebagainya?

**Dato' Wong See Wah:** Setakat ini memang tidak ada apa-apa yang boleh menunjukkan sesuatu kedai itu berhak untuk mengenakan satu-satu cukai jualan ataupun perkhidmatan atas seorang pelanggannya. Oleh kerana pandangan Yang Berhormat itu memang baik dan akan diambil perhatian supaya mungkin satu tanda boleh dipamerkan di satu-satu kedai itu, untuk membuktikan ini adalah satu-satu yang mempunyai hak ataupun tanggungjawab untuk mengutip cukai yang berkenaan.

Mengenai dengan adanya pengenalan cukai bebas ataupun konsep WTO, dan dikhuatiri oleh kerana dengan pembatalan cukai-cukai atas barangan dalam rantau ini ataupun dalam dunia ini, dikhuatiri Kuala Lumpur akan kehilangan

competitivenessnya dalam persaingan untuk menjual barangan tempatan. Sebenarnya setakat ini Kuala Lumpur memang telah dikenali sebagai satu shopping heaven ataupun shopping paradise, di mana ini adalah disebabkan kerana kita mempunyai cukai-cukai yang agak rendah walaupun dikenakan 30% cukai korporat, walaupun berbanding dengan Singapura ataupun negeri-negeri jiran kita, ini agak mungkin Singapura 28%, Malaysia 30% atas corporate tax. Tetapi oleh kerana kita juga mempunyai insentif-insentif yang lain yang menggalakkan, yang telah diberikan kepada kilang kita, dan dengan itu dapat juga pengilang itu dapat mengurangkan kos pengeluarannya.

Begitu juga dengan insentif-insentif yang lain dan kemudahan-kemudahan lain. Pada keseluruhannya kalau kita tinjau dari segi itu, bolehlah dikatakan dari segi cukai itu Malaysia memang mempunyai satu sistem percukaian yang agak rendah dan masih mempunyai daya saing dengan negeri-negeri yang lain. Walaupun begitu, dari segi itu kerajaan memang ambil pandangan yang serius. Dengan itu, kita juga perlu mengambil perhatian supaya dapat kita tingkatkan produktiviti kita supaya dapat kita mengeluarkan barang yang nilainya baik, mutunya baik dan juga dengan harga yang murah. Dengan itulah baru dapat kita menambahkan daya persaingan kita.

Dengan itu, saya mengucapkan banyak terima kasih. Sekian sahaja, saya sekali lagi memohon mencadangkan.



**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN) 1996**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**3.49 ptg.**

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu rang undang-undang bertajuk satu akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dibaca bagi kali yang kedua. Akta Cukai Perkhidmatan 1975 ialah undang-undang yang mentadbir dan mengawal pungutan cukai perkhidmatan, sepertimana dalam ucapan saya bagi pindaan

Akta Kastam 1997 dan Akta Cukai Jualan 1972, pindaan kepada cukai perkhidmatan juga perlu dibuat bagi melaksanakan persetujuan di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand berhubung dengan usaha sama carigali dan pengeluaran bahan petrolium di kawasan pembangunan bersama. Pindaan ini dibuat berasaskan kepada Artikel 17(ii) Perjanjian penubuhan pihak berkuasa Malaysia/Thailand, dengan izin, Malaysia-Thailand Joint Authority (MTJA), dalam usaha sama carigali dan pengeluaran bahan-bahan petroleum di Teluk Siam.

Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 1 Akta untuk memperuntukkan bahawa Akta Cukai Perkhidmatan 1975 tidaklah terpakai bagi kawasan yang dikenali sebagai kawasan pembangunan bersama. Fasal 3 bertujuan meminda seksyen 2 Akta untuk memasukkan takrif bagi kawasan pembangunan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Saya mohon mencadangkan.

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Sebelum pada itu, menurut peraturan yang relevan, saya

dengan hormatnya menyempit Tuan Hanipah bin Ahmad untuk mempengerusikan majlis.

**[Tuan Hanipah bin Ahmad *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat dijemput.

**4.03 ptg.**

**Tuan Yim Chee Chong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana rang undang-undang ini dapat meringankan tanggungan rakyat jelata dalam kawasan pembangunan bersama dan juga dapat menggalakkan pelancongan. Sementara itu rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan, maka saya memohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen.

**4.04 ptg.**

**Dr. Ng Yen Yen:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pada sesi ini, seperti sesi-sesi yang lain, Dewan Negara yang mulia ini telah membahaskan beberapa rang undang-undang bagi melicinkan perjalanan perundangan negara kita, seperti yang terdapat pada hari ini. Untuk mencapai pelaksanaan rang undang-undang, kita memerlukan sumber manusia yang terlatih, sentiasa boleh dipertingkatkan serta mempunyai etika kerja dan akhlak yang tinggi. Bagaimanapun, negara kita menghadapi masalah kekurangan sumber manusia yang genting dalam pelbagai sektor. Kerajaan telah mengakui kekurangan dan

telah beberapa kali menyeru wanita untuk mengambil peranan dalam semua bidang. Pada masa sekarang terdapat 47% wanita yang berusia antara 16 hingga 64 tahun berada dalam pasaran pekerjaan. Angka ini dijangkakan akan meningkat ke 52% menjelang tahun 2,000.

Selaras dengan ini kita tidak harus mengharapkan kerajaan sahaja. Pembabitan badan bukan kerajaan, NGO, dengan izin, adalah amat digalakkan dan dihargai dalam melengkapkan dan menyempurnakan usaha kerajaan menyediakan program latihan dan bantuan kepada wanita. Peranan NGO perlu dipertingkatkan dan diperluaskan kerana ia biasa lebih peka terhadap keperluan wanita dan tidak ada begitu banyak birokrasi yang mungkin akan membantutkan usaha. Walau bagaimanapun, satu perkara yang agak mengecewakan ialah peratus peruntukan untuk program pembangunan wanita tidak dibincangkan dalam RMK-7, khususnya peruntukan kepada NGO, dengan izin, yang mana sumbangan NGO dikatakan amat dihargai dan digalakkan tidak dicadangkan.

Memang dengan hal ehwal wanita HAWA juga begitu mustahak sekali memainkan peranannya dalam konteks pembangunan wanita. Saya berharap kerajaan akan meningkatkan peruntukan tahunan dan mengemukakan anggaran belanjawan yang akan diperuntukkan untuk program pembangunan wanita. Lanjutan daripada pelbagai latihan dan peluang pendidikan yang diberikan,

kaum wanita juga harus diberi peluang menjawat jawatan yang lebih tinggi dan berpeluang membuat keputusan.

Di sini, saya ingin mengambil kesempatan dan mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Presiden MCA, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik yang berjanji akan meningkatkan peratus penglibatan wanita dalam perwakilan majlis daerah dan majlis perbandaran sehingga 30% dalam tempoh 15 tahun. Saya memuji langkah positif, proaktif dan praktikal yang diambil oleh Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik untuk meningkatkan tahap kedudukan kaum wanita MCA. Di samping itu, keputusan pihak polis yang melantik wanita pertama iaitu Puan Koraiza Abdullah sebagai Ketua Polis Daerah Georgetown, juga menggambarkan keupayaan kaum wanita diiktiraf oleh kerajaan. Ini menunjukkan kaum wanita harus diberikan tanggungjawab yang berat dan saksama kerana kaum wanita memang mampu melakukannya.

Oleh itu saya menyeru pertubuhan-pertubuhan politik, badan-badan sukarela, korporat-korporat swasta, sektor awam dan sebagainya supaya mencontohi mereka untuk memberikan peluang kepada kaum wanita memegang jawatan tinggi dalam menunjukkan keupayaan kaum wanita.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pembangunan ekonomi yang pesat merupakan pra-syarat untuk mewujudkan lebih banyak peluang bagi meningkatkan kualiti hidup, aspek sosial dan budaya adalah sama penting dan perlu digabungkan dalam keseluruhan proses pembangunan dalam mewujudkan

masyarakat madani, dengan izin, civil society. Saranan pembentukan masyarakat madani bukannya satu saranan baru. Ia telah bermula sejak lebih dari satu ratus tahun dahulu. Lebih-lebih lagi ia merupakan suatu konsep universal yang sesuai untuk setiap negara di mana definisi lebih luas merangkumi masyarakat penyayang termasuk juga hak asasi dan kebebasan rakyat, keadilan dan kesaksamaan, nilai-nilai moral dan etika.

Dengan pembentukan masyarakat madani ini, masalah sosial dan keruntuhan moral di kalangan generasi muda khasnya seperti road bullies, queue cutters, keganasan rumah akan dapat dikurang dengan tegas, komitmen dan usaha gigih rakyat sehaluan, saya percaya kita akan dapat merealisasikan wawasan kita dengan mewujudkan masyarakat madani Malaysia. Kejayaan pelaksanaan agenda-agenda dan strategi-strategi dalam RMK-7 akan mengendalikan tahap pembangunan melalui pertubuhan yang lebih tinggi, membuka peluang baru dan membina dan asasnya yang kuat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam laporan yang disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan baru-baru ini, bilangan buruh kanak-kanak dikatakan sebanyak 100,000 ribu orang di negara kita. Sekiranya angka ini adalah benar, maka ianya adalah serius dan harus dipandang berat oleh kerajaan. Kanak-kanak yang di bawah umur 14 tahun terpaksa bekerja tanpa bersekolah untuk membantu kehidupan keluarga akan menjejaskan pelajaran mereka dan seterusnya menimbulkan masalah sosial kanak-kanak. Oleh itu saya menyeru

kerajaan supaya membuat kajian yang terperinci dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengurangkan dan mengatasi masalah buruh kanak-kanak ini. Jikalau bilangan yang diberikan adalah tidak benar, kerajaan juga patut membuat penjelasan dan memberikan statistik yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu undang-undang dan akta-akta yang dibentangkan semasa Akta Keganasan Rumahtangga yang menjadi satu ingatan yang berkesan kepada saya. Akta ini mencerminkan tahap peningkatan keadilan di antara jantina dan juga membawa keharmonian dalam keluarga dan membentuk suatu masyarakat penyayang. Sejak pelaksanaan akta ini di dalam tempoh dua bulan sahaja, sebanyak 23 kes keganasan keluarga telah dilaporkan. Ini menunjukkan keperluan dan kepentingan akta ini untuk mewujudkan sesuatu keharmonian di dalam sesebuah keluarga.

Kita semua berharap akta ini boleh dilaksanakan secara berkesan di semua pihak seperti polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan hospital. Saya berharap isu-isu wanita, kanak-kanak dan keluarga akan selalu diambil perhatian khusus oleh Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Adam bin Kadir di atas menjalankan tugas sebagai Yang di-Pertua dengan begitu cepak dan adil dan menggembirakan semua Ahli Yang Berhormat. Saya tahu Tuan Yang di-Pertua selalu mengambil perhatian untuk

memberi sama rata untuk memberi Ahli-ahli Dewan Negara berucap dengan adil dan saksama.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua rakan saya Yang Berhormat yang telah membantu saya dalam tiga tahun ini. Walaupun kita kadang-kadang berbeza pendapat dalam beberapa isu khususnya isu-isu jantina.

Hari ini ialah hari yang terakhir saya atau yang kedua terakhir saya berkhidmat selama tiga tahun dalam penggal pertama di Dewan yang mulia ini. Saya suka untuk memberitahu betapa gembiranya saya bersama-sama rakan Yang Berhormat dan saya mengucapkan selamat maju jaya kepada semua Ahli Yang Berhormat dan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang akan bertanding dalam pemilihan UMNO. Saya mengucapkan selamat berjaya.

Saya juga ingin memohon maaf ke atas segala salah silap saya selama bersama di Dewan yang mulia ini. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan ini. Terima kasih.

*[Tepuk]*

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

**4.12 ptg.**

**Tuan Rahim bin Baba:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya tidak berhasrat untuk berucap mengenai Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan ini selepas melihat Yang Berhormat Tuan Yim Chee



Chong bangun untuk berucap tadi, kerana saya tahu Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong tentulah akan berucap panjang dan banyak perkara yang akan ditimbulkan. Tetapi setelah saya mendengar ucapan daripada Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen tadi, betapa pilunya beliau akan meninggalkan Dewan ini. Kalaulah saya diberikan kuasa untuk melantik semula *[Ketawa]* Dr. Ng Yen Yen, hari ini juga saya akan lantik. Tambah atau sambung lagilah. *[Ketawa]* Kerana kita mahu Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen bersama-sama kita dalam Dewan ini, tetapi kuasa untuk melantik bukanlah terletak pada kita, tetapi pada cadangan Dato' Seri Presiden MCA. Itu sebabnya dia hendak puji Presiden MCA tadi agaknya.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** *[Bangun]*

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat, Datuk Haji Ibrahim bin Ali minta laluan.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Walaupun Yang Berhormat tidak ada kuasa melantik Ahli Dewan Negara tetapi Yang Berhormat ada kuasa melantik Ahli-ahli Lembaga Pengarah Gula Perak. Jadi, bolehkah Yang Berhormat pertimbangkan *[Ketawa]* Yang Berhormat Senator Dr. Ng Yen Yen ini dilantik menjadi Ahli Lembaga Gula Perak atas jasa-jasa beliau? *[Ketawa]*

**Tuan Rahim bin Baba:** Itu sudah ada dalam pertimbangan saya. Semuanya pun telah saya timbangkan, melainkan Yang Berhormat Datuk Haji

Ibrahim bin Ali tidak perlu saya timbangkan kerana dia ada jawatan yang lebih besar lagi.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita sedih dengan ketiadaan Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen dalam Dewan ini. Bagi pihak rakan-rakan yang lain, saya mengucapkan terima kasih di atas perkhidmatan beliau kepada Dewan ini dan kita akan berasa kehilangan. Pernah saya katakan kepada Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen, kalau dia tidak ada di dalam Dewan ini, seolah-olah Dewan ini kosong. Itu bagi sayalah. Bagi yang lain itu tidak tahulah.

*[Ketawa]*

Tadi saya ingin menyentuh tentang Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan ini. Saya menyangkakan Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong akan bercakap mengenai sebagaimana yang kita ketahui bahawa sejak setahun ataupun dua tahun yang lalu, cukai perkhidmatan telah pun diluaskan kepada perkhidmatan-perkhidmatan guaman. Peguam pun kalau mereka memberi perkhidmatan, mereka akan dikehendaki mengutip cukai perkhidmatan. Arkitek, engineer dan lain-lain pun, ada clause kerana dikenakan mengutip cukai perkhidmatan bagi pihak kerajaan.

Saya bukan seorang peguam (lawyer) seperti Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong, tetapi apabila saya menerima surat-surat daripada peguam-peguam, orang berniaga biasalah terima surat-surat peguam ini, ada disebutkan "cukai perkhidmatan." Kadangkala peguam pun menghubungi saya. Dia kata,

"Yang Berhormat bayar cepat sedikitlah." Saya kata, "Kenapa?" Kerana dia kata cukai ini dia kena bayar juga. Kalau saya bayar lambat pun kepada dia, kepada kerajaan dia kena bayar cukai perkhidmatan 5%. Betul Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong? Dia kena bayar dulu kepada kerajaan. Jadi, bagi pihak mereka yang dalam perkhidmatan-perkhidmatan seperti arkitek, engineer, consulting engineer, lawyer dan sebagainya, saya ingin mendapatkan penjelasan, adakah cukai perkhidmatan ini perlu dibayar oleh lawyer, arkitek, engineer dan sebagainya? Ada tempohnya iaitu selepas dia menerima bayaran daripada perkhidmatannya ataupun sebelum, ataupun ditentukan masa-masa yang tertentu? Kalau selepas itu tidak apalah. Maknanya kalau pelanggan sudah bayar, kalau misalannya RM100,000 kena 5% - selepas itu ada RM5,000 lagi dia akan bayar kepada kerajaan. Tetapi saya dimaklumkan, cukai perkhidmatan ini perlu dibayar kepada pihak kerajaan walaupun kadangkala cukai itu tidak dapat dikutip oleh pihak peguam ataupun arkitek ataupun sesiapa daripada mereka yang terlibat. Jadi, ini semua saya ingin mendapatkan penjelasan.

Sekian. Dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Dijemput Timbalan Menteri menjawab.

**4.17 ptg.**

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada tiga Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tentang soal kemudahan pengecualian cukai yang telah diberikan kepada kawasan pembangunan bersama, ini sebenarnya adalah semata-mata untuk kegiatan eksplorasi dan eksploitasi petroleum di kawasan yang kita maksudkan "joint development area" iaitu di Teluk Siam dan setakat ini kemudahan ini bukanlah untuk tujuan pelancongan tetapi mungkin kemudian sama ada ini akan dijadikan sebagai satu kawasan pelancongan, itu belum dapat diketahui. Maka, kemudahan ini adalah semata-mata untuk penggerudian, kegiatan luar pesisir yang semata-mata untuk mencari gali dan eksploitasi petroleum.

Tentang ucapan yang telah dikemukakan dalam Dewan oleh Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen, saya berharaplah iaitu apa lagi yang boleh saya cakap, kecuali saya memberi sokongan kepada Yang Berhormat sahajalah dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat maju jaya.

Mengenai cukai yang dikenakan ke atas profesional iaitu kepada peguam, doktor, engineer dan pelbagai lagi. Pada satu ketika iaitu cukai perkhidmatan dikenakan ialah berasaskan kepada yang sebenarnya dikutip, tetapi telah ditukar dan dipinda supaya cukai perkhidmatan ini dicajkan kepada berapa yang sebenarnya dicaj, walaupun bayaran itu tidak dibayar. Oleh kerana terdapat fenomena di mana pembayaran itu tidak dilakukan ataupun pembayaran cukai itu tidak diserahkan kepada kerajaan atas alasan itu ialah kerana pembayaran oleh pelanggan itu tidak dibuat lagi. Maka, ini berlarutan dan pihak kerajaan berfikir adalah wajar kalau dikenakan dalam sesuatu

tempoh, ditentukan berapakah caj yang sebenarnya dikenakan. Sama ada ini telah dijelaskan oleh pelanggan ataupun tidak, tetapi adalah menjadi tanggungjawab profesional ini untuk mengutip bayaran itu kemudian diserahkan kepada pihak kerajaan cukai perkhidmatan tertentu.

Dalam waktu awalan pelaksanaan itu terdapat rayuan daripada pihak-pihak tertentu supaya dapat dilanjutkan tempoh yang dikenakan itu dan kerajaan telah menimbangkan rayuan itu serta telah memanjangkan tempoh untuk bayaran itu dibuat, iaitu telah dilanjutkan ke satu tarikh seperti satu tahun dan sebagainya. Saya tidak ingat berapa lamanya, tetapi memang telah diberi pertimbangan dan dilanjutkan tempoh sama ada bayaran telah dilakukan oleh pelanggan itu ataupun tidak, tetapi selepas tamat tarikh itu perlulah diserahkan kepada kerajaan amaan cukai perkhidmatan yang perlu dibayar.

Sekian, sahaja terima kasih.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Hanipah bin Ahmad *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG KOPERASI (PINDAAN) 1996**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.24 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 1996 untuk meminda Akta Koperasi 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 1996 dikemukakan untuk meminda beberapa subseksyen dan perenggan di dalam Akta Koperasi 1993 bagi mencapai beberapa tujuan. Pindaan ke atas subseksyen 3(2) adalah bertujuan membolehkan Ketua Pendaftar Koperasi menurunkan kuasa kepada pendaftar-pendaftar di peringkat negeri supaya mereka dapat menjalankan kuasa-kuasa Ketua Pendaftar, di bawah seksyen 80 iaitu membuat pemeriksaan dan mengeluarkan perintah mengsurcaj mana-mana pegawai, agen, perkhidmatan atau anggota sebuah koperasi berdaftar yang didapati melakukan penyelewengan dan pecah amanah.

Akta Koperasi 1993 memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pendaftar untuk mengaudit, menjalankan pemeriksaan dan penyiasatan mana-mana koperasi berdaftar. Jika hasil pengauditan, pemeriksaan atau penyiasatan itu mendapati berlaku penyelewengan atau pecah amanah, oleh mana-mana orang yang bertanggungjawab dalam koperasi berkenaan, maka Ketua Pendaftar boleh memeriksa kelakuan orang yang berkenaan dan mengeluarkan perintah surcaj.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan koperasi berdaftar sentiasa bertambah, begitu juga jenis kegiatan dan urusniaga yang sentiasa bertambah dan semakin canggih, memerlukan Ketua Pendaftar meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam melaksanakan fungsi kawal selia ke atas koperasi-koperasi berdaftar. Sekiranya fungsi kawal selia ini tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya, ianya boleh mendorong segelintir orang-orang tertentu di dalam koperasi berdaftar mengambil kesempatan melakukan penyelewengan dan pecah amanah. Bagi membendung amalan yang sedemikian, maka adalah perlu fungsi kawal selia oleh Ketua Pendaftar dilaksanakan dengan kemas, cekap dan berkesan.

Satu-satunya langkah yang praktikal untuk meningkatkan kecekapan Ketua Pendaftar dalam melaksanakan fungsi kawal selianya ialah dengan menurunkan kuasa-kuasa yang diperuntukkan kepadanya di bawah seksyen 80 kepada pendaftar-pendaftar di peringkat negeri. Melalui penurunan kuasa

tersebut, maka pendaftar-pendaftar di peringkat negeri mempunyai kuasa untuk membuat pemeriksaan dan mengeluarkan perintah mengsurcaj mana-mana pegawai, agen, pengkhidmat atau anggota sebuah koperasi berdaftar yang didapati melakukan penyelewengan dan pecah amanah. Sekiranya kuasa ini tidak diturunkan, besar kemungkinan Ketua Pendaftar akan menghadapi kesulitan kerana beliau sendiri terpaksa menangani setiap kes yang berlaku di setiap negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ke atas perenggan 54(2)(b) dan (c) Akta Koperasi 1993 pula adalah bertujuan membolehkan mana-mana koperasi berdaftar melaburkan wang berlebihannya ke dalam mana-mana pertubuhan perbadanan dengan izin, body corporate dan syarikat usahasama (joint-venture).

Suka saya memaklumkan bahawa perkembangan pesat koperasi berdaftar sejak akhir-akhir ini, telah mendorong beberapa pertubuhan perbadanan dan syarikat usaha sama menawarkan sebahagian daripada sahamnya kepada koperasi-koperasi berdaftar yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh.

Selain daripada itu, pindaan ini juga akan membolehkan koperasi-koperasi besar menggunakan wang berlebihannya untuk menceburi bidang perniagaan baru melalui syarikat-syarikat usahasama yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang-bidang tertentu yang tidak dimiliki oleh koperasi-koperasi berdaftar.



Dengan adanya pindaan ini, peluang pelaburan yang boleh diceburi oleh koperasi akan bertambah luas dan sekali gus meningkatkan penglibatan gerakan koperasi dalam aktiviti pembangunan ekonomi negara di samping menambah punca pendapatan koperasi dan meningkatkan pulangan kepada anggota-anggotanya. Pindaan ini tidak bermakna koperasi berdaftar bebas melaburkan wang berlebihannya ke dalam mana-mana pertubuhan, perbadanan atau syarikat usahasama kerana setiap pelaburan yang hendak dibuat memerlukan kelulusan Ketua Pendaftar. Kuasa melulus yang diberikan kepada Ketua Pendaftar adalah bertujuan memelihara dan melindungi kepentingan anggota-anggota koperasi berdaftar yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada subseksyen 57(2) pula dibuat dengan tujuan menetapkan satu sistem caruman oleh koperasi-koperasi berdaftar kepada mana-mana koperasi menengah atau atasan yang diisytiharkan oleh menteri sebagai badan yang mewakili pergerakan koperasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Untuk maksud ini maka satu kumpulan wang amanah pembangunan koperasi akan diwujudkan bagi menerima caruman tersebut. Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi ini diwujudkan dengan tujuan memastikan wang yang disumbangkan oleh koperasi-koperasi berdaftar akan dipegang, ditadbir dan digunakan dengan teratur dan terkawal oleh koperasi yang telah diisytiharkan itu bagi membiayai pelbagai program dan aktiviti untuk pembangunan gerakan koperasi.

Sehubungan dengan itu, satu peraturan mengenai cara menguruskan Kumpulan Wang Amanah ini akan disediakan mengikut peruntukan baru di bawah subseksyen 86(2).

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ke atas subseksyen 57(8) pula adalah bertujuan membolehkan sesebuah koperasi berdaftar membayar dividen pada kadar yang lebih tinggi kepada anggota-anggotanya berbanding dengan peruntukan sekarang. Pindaan ke atas subseksyen 57(8) adalah bagi menggantikan perkataan-perkataan “untung bersih terauditnya” dengan perkataan “jumlah syer dan yuran anggota-anggotanya”. Dengan adanya pindaan ini Ketua Pendaftar Koperasi boleh meluluskan pembayaran dividen tidak lebih 5% daripada jumlah syer dan yuran anggota-anggotanya oleh sesebuah koperasi berdaftar yang masih mempunyai kerugian terkumpul.

Pindaan ke atas subseksyen 57(1) dan 57(5) dicadangkan dengan tujuan memperkemaskan peruntukan-peruntukan tersebut bagi mengelakkan kekeliruan akibat berbagai tafsiran yang boleh timbul daripadanya. Dengan pindaan ini maksud subseksyen-subseksyen yang berkaitan akan menjadi lebih jelas.

Tuan Yang di-Pertua, umpamanya maksud subseksyen 57(1) dan 57(5) akan menjadi lebih jelas iaitu koperasi-koperasi berdaftar dikehendaki membayar ke dalam kumpulan wang rizabnya, tidak kurang daripada 15%

daripada keuntungan bersih terauditnya pada “setiap tahun kewangan” dan bukan “tahun kewangan yang sebelumnya”.

Tuan Yang di-Pertua, koperasi-koperasi di negara ini harus merebut peluang-peluang pelaburan yang sebegitu luas dalam syarikat-syarikat dan perbadanan-perbadanan. Selaras dengan prinsip dan konsep koperasi yang mengutamakan kepentingan anggota-anggota sama ada anggota individu mahu pun koperasi-koperasi berdaftar dalam pergerakan, maka faedah dan manfaat yang sewajarnya kepada mereka itu harus dipelihara seperti dicadangkan oleh pindaan-pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya mohon mencadangkan.

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Koperasi 1993 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dijemput Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah.

**4.32 ptg.**

**Puan Hajah Rahaiah binti Baheran:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan akta untuk meminda Akta Koperasi 1993.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini di atas sebab-sebab perlu adanya pindaan pada mana-mana akta yang digubal terutamanya Akta Koperasi ini yang mana telah kita luluskan cuma dua tahun tujuh bulan yang lalu.

Saya merasakan kredibiliti kita sebagai penggubal undang-undang terjejas kerana di dalam jangka masa tersebut, kita perlu meminda Akta Koperasi ini bukan kerana sudah atau telah ada perubahan di dalam gerakan ataupun struktur alam keliling koperasi itu sendiri tetapi di sini ketara di mana kita meminda undang-undang ini atas fakta-fakta sebenar telah tidak diambil kira semasa dibuat undang-undang dan perhatian, ataupun dengan perkataan lain, para-para pakar di kementerian telah mengeneipkan banyak perkara asas sehinggakan beberapa peruntukan di dalam Akta Koperasi 1993 sukar untuk dipraktikkan. Sebagai contoh, di dalam akta, ada seksyen 39 yang mana diwajibkan koperasi-koperasi menjalankan mesyuarat agung di dalam jangka masa enam bulan selepas berakhirnya tahun kewangan koperasi.

Setakat ini, pada sesi Mei yang lalu Dewan yang mulia ini telah diberitahu bahawa cuma peratusan yang kecil sahaja yang berjaya menjalankan ini, itu pun setelah diberi masa dua tahun pelaksanaannya. Sekarang

kementerian akan memberi lanjutan masa dua tahun lagi tempoh untuk melaksanakan perkara ini.

Di sini, adakah pihak kementerian sedar bahawa budaya pinda meminda akta untuk menyesuaikan selera jabatan ataupun kementerian dan lanjut melanjutkan tempoh bagi menyelesaikan masalah semasa dengan tidak sesungguhnya menyelesaikan masalah tersebut dengan mengambil kira fakta-fakta sebenar adalah merugikan negara dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Malaysia tergulung sebagai sebuah negara yang mempunyai gerakan koperasi yang berwibawa dan dipandang tinggi di arena antarabangsa, malah Malaysia merupakan salah satu negara yang menjadi contoh ataupun dicontohi oleh gerakan koperasi antarabangsa, lebih lagi di rantau Asia Pasifik. Janganlah pula nanti di atas sebab-sebab di atas, status itu tidak dapat kita pertahankan.

Saya mencadangkan bahawa kementerian mengambil inisiatif untuk duduk berbincang dengan badan yang telah diwartakan mewakili gerakan koperasi Malaysia setelah diberi notis dan masa yang sesuai supaya badan itu berbincang, bermesyuarah dengan gerakan koperasi negara sebelum meminda undang-undang supaya ianya dapat menjadi instrument, dengan izin, yang dapat menjadi pegangan untuk gerakan koperasi kita berwawasan dan berpandangan jauh.

Di masa yang sama, saya juga mencadangkan supaya kementerian juga mengambil kira ataupun memanggil pandangan badan tersebut bagi memperbaiki peraturan-peraturan 1995 yang nyata tidak berjejak di bumi nyata.

Saya yakin peraturan-peraturan 1995 dapat diperbaiki dan tidak timbul masalah ataupun perkara-perkara yang saya sebutkan sebentar tadi. Sebagai maklumat, masalah yang saya sebutkan tadi, bukanlah satu contoh terpinggir ataupun contoh terpencil kerana ada beberapa kesulitan dan masalah-masalah lain-lain lagi yang boleh kita perbaiki dalam peraturan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik untuk menyebut di sini berkenaan dengan status Jabatan Pembangunan Koperasi sebagai pendaftar kepada gerakan koperasi negara. Negara mempunyai satu sistem bagi pendaftaran pertubuhan-pertubuhan dan persatuan-persatuan dan juga satu sistem untuk pendaftaran bagi syarikat-syarikat ataupun Registrar of Companies. Tetapi saya tidak faham dan mengerti, apa perlunya gerakan koperasi dikawal selia dan didaftarkan oleh kementerian yang berlainan khususnya Koperasi Asas Tani dan Asas Perikanan didaftarkan dan dikawal selia oleh Kementerian Pertanian dan lain-lain koperasi di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Adakah Koperasi Asas Tani dan Perikanan itu kurang berfungsi sebagai koperasi daripada lain-lain koperasi? Atau adakah ini peninggalan sisa-sisa warisan fahaman penjajah yang telah kita tolak hampir setengah abad yang lalu.

Apakah faedahnya kita pisahkan kepertanggungjawaban ke atas Koperasi Asas Tani dan Perikanan tadi atau apa lebihnya koperasi jenis ini dijagai oleh Kementerian Pertanian. Bagi saya yang juga ada turun ke bawah bergaul dengan ahli-ahli koperasi jenis ini, saya dapati bahawa di dalam struktur organisasi Kementerian Pertanian, koperasi ini adalah dipinggirkan, malah boleh disebutkan dalam banyak hal dianaktirikan.

Pertamanya, hingga sekarang tidak ada koperasi baru yang ditubuh, tegasnya koperasi di bawah Kementerian Pertanian ini tidak berkembang. Bukan sahaja tidak berkembang, jumlahnya juga berkurang macam yang berlaku di Bosnia kini, pembunuhan etnik berlaku di sini. Pembubaran dan proses pembunuhan berlaku setiap tahun. Walau macam manapun, saya percaya kita boleh memperbaiki keadaan ini, saya mencadangkan supaya kementerian mengkaji perkara ini dan membuat pertimbangan di atas kedudukan yang kucar-kacir ini yang mana ada pihak-pihak juga bertanya di atas ketidaktegasannya kerajaan terhadap perkara ini.

Di atas perkara-perkara di atas, saya percaya Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi terasa terpacu untuk bertanggungjawab supaya ada keseragaman di dalam pengendalian dan pentadbiran gerakan koperasi negara. Saya percaya Koperasi Asas Tani dan Perikanan boleh lebih bersemangat dan berdaya maju jika ditadbir dan diuruskan oleh satu kementerian di bawah satu bumbung.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian kementerian di atas pindaan yang dibuat terutamanya Fasal 4 bertujuan meminda subseksyen (2) bagi memperuntukkan kuasa kepada menteri untuk menetapkan jumlah wang yang perlu dibayar oleh koperasi-koperasi berdaftar kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi.

Saya mengalu-alukan peruntukan ini walaupun saya kira agak terlambat ataupun perkara ini sepatutnya telah diambil kira di masa undang-undang ini dibuat pada tahun 1993 dahulu. Dengan pindaan ini jelaslah bahawa kutipannya kini adalah 3% daripada untung bersih teraudit koperasi di tanah air akan dikumpulkan ke dalam dua kumpulan wang amanah yang disebutkan tadi. Mengikut amalan yang ada, 2% adalah diperuntukkan terus kepada Maktab Kerjasama Malaysia dan 1% diperuntukkan terus kepada koperasi yang diisytiharkan oleh menteri sebagai badan yang mewakili gerakan koperasi negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sumber kewangan ini adalah didapati sepenuhnya daripada gerakan koperasi, saya mencadangkan supaya kedua-dua kumpulan wang amanah ini ditadbirkan oleh wakil-wakil gerakan koperasi sendiri iaitu wakil-wakil daripada gerakan koperasi dan sangat penting dan bertepatan sekali jika pengurusinya dikhaskan kepada wakil yang mewakili gerakan koperasi.



Saya membuat cadangan ini mengambil kira di atas tatacara kumpulan wang amanah koperasi yang ada kini dan cara pengendaliannya. Pada sesi Mei yang lalu, di Dewan ini kita telah diberitahu bahawa kumpulan wang tersebut telah mendapat pulangan lebih kurang RM100,000 - kalau tidak silap saya dari faedah bank dan sejumlah yang sama juga telah dibelanjakan untuk tujuan yang tidak begitu tepat. Dimaklumkan bahawa 10% daripadanya sahaja dibelanjakan terus kepada gerakan koperasi dan lebih kurang 10% adalah dibelanjakan untuk kegunaan pegawai-pegawai dan kakitangan kementerian dan jabatan yang mana perbelanjaan yang dibelanjakan untuk kakitangan dan lain-lain boleh didapatkan peruntukan daripada kerajaan sendiri. Oleh kerana tiada wakil gerakan koperasi di dalam kumpulan wang tersebut, maka tidaklah dapat gerakan koperasi negara membuat cadangan untuk perbelanjaannya.

Saya juga mencadangkan supaya kumpulan wang amanah pendidikan dan kumpulan wang amanah pembangunan ditetapkan sebagai kumpulan wang yang tidak bertujuan untuk mencari untung tetapi sebagai mengamalkan prinsip koperasi yang mana kumpulan wang amanah tersebut dikeluarkan khususnya untuk tujuannya ianya ditubuhkan, iaitu sebagai kumpulan wang yang harus diserahkan kepada penerima (beneficiary) yang disebutkan di dalam akta. Di tahap ini ditegaskan bahawa kumpulan wang amanah ini ditetapkan sebagai kumpulan wang untuk pembangunan dan meningkatkan keupayaan gerakan koperasi dan ia bukanlah satu tabung simpanan ataupun bukanlah satu

investment fund. Sebelum ini Yang Berhormat Menteri diberi kuasa untuk mengisytiharkan badan puncak gerakan koperasi negara dan syukur alhamdulillah saya kira, pengisytiharan itu akan dilakukan.

Saya rasa dalam sehari dua ini dan sehingga ke saat ini saya belum lagi menerima jemputan secara rasmi, tetapi oleh kerana ini adalah merupakan mercu tanda yang bersejarah, insya-Allah, saya akan hadir ke majlis tersebut walaupun tidak diundang. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di mana pada hari kelmarin telah pun sedikit sebanyak memberi gambaran mengenai tugas dan tanggungjawab koperasi puncak itu.

Jelaslah bahawa koperasi puncak itu akan mewakili seluruh gerakan koperasi negara dan Jabatan Pembangunan Koperasi dalam segala tindak tanduknya mewakili Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi bagi menentukan badan puncak itu yang telah diisytiharkan oleh Yang Berhormat Menteri sentiasa diberi tempat yang sewajarnya dan diberi status dan pengiktirafan yang setimpal. Jika misalannya di masa-masa yang lalu, kerana mungkin tidak ada pengisytiharan di masa itu, ketika membuat peraturan-peraturan, contohnya, badan tersebut telah tidak dipanggil untuk berbincang dan jika dipanggil pun kena dibuat secara berpenjuru sebagaimana yang berlaku di Melaka pada satu masa yang lalu dan sehingga kini Deklarasi Melaka pun tidak tahu berkubur di mana.

Saya hari ini mencadangkan bahawa biarlah pihak kementerian bermesyuarah dengan badan tersebut secara dua mata, satu sebagai mewakili gerakan koperasi negara dan satu lagi sebagai agensi yang berkuatkuasa. Dengan cara ini, saya kira kita dapat menghapuskan peraturan-peraturan yang tidak bersesuaian dengan keadaan sebenar di dalam gerakan koperasi itu dan mewujudkan suasana harmoni di antara kerajaan dan badan puncak itu.

Tuan Yang di-Pertua, pengendalian kedua-dua tabung amanah tadi hendaklah berkisar kepada prinsip-prinsip koperasi yang memberi jati diri kepada pergerakan koperasi itu. Kumpulan-kumpulan wang itu hendaklah bermatlamat pembangunan manusia, tidak pelaburan wang ataupun mengumpul aset. Walau apa sekalipun, pengendalian kumpulan wang hendaklah menjurus kepada pembangunan pemikiran dan sumber manusia iaitu anggota-anggota koperasi sendiri. Biarlah wang yang diperolehi daripada pergerakan koperasi di manfaatkan oleh gerakan tersebut di dalam bentuk khidmat dan perwakilan ataupun dengan izin, representation.

Kalau sekarang 2% daripada peruntukan diperuntukan kepada Maktab Kerjasama Malaysia dengan berbagai rancangannya, maka wajiblah kementerian meneliti secara mendalam supaya tidak terlalu terbawa-bawa dengan projek-projek dan program-program yang berbentuk glamour, terpisah dari tujuan asal penubuhannya. Biarlah penggunaan sumber kewangan tadi dibuat sejajar dengan matlamat pembangunan koperasi negara. Biarlah

tegaknya Maktab Kerjasama Koperasi ini dapat membangunkan koperasi dari segi teknikal dan ahli koperasi yang berselerak di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, didapati juga ada beberapa rancangan maktab untuk melatih mendidik sumber manusia di luar gerakan koperasi. Sebelum terlanjur, ingatlah, bahawa kita janganlah mengamalkan budaya, “menyusukan kera di hutan, anak di pangkuan mati kelaparan”. Di masa yang sama biarlah ada sistem yang mana prestasi maktab ini dinilai oleh kementerian dan lebih baik dinilai sendiri oleh pihak yang bertanggungjawab dengan kumpulan wang amanah pendidikan koperasi, dengan secara tidak langsung maktab haruslah dinilai keberkesanannya dari masa ke semasa oleh pergerakan koperasi yang membiayai seluruh pentadbiran maktab tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kumpulan wang amanah pembangunan koperasi yang diperuntukkan kepada Badan Puncak Koperasi Negara, yang akan menerima 1% daripada sumbangan 3% daripada pergerakan koperasi sebagai badan puncak koperasi negara, badan itu haruslah menerima sepenuhnya kutipan 1% tersebut dan sebagai badan puncak, wang tersebut haruslah juga dipergunakan untuk tujuan pembangunan gerakan koperasi negara.

Diharap badan tersebut dapat menguruskan seluruh wang tersebut bagi tujuan pendidikan ataupun pembangunan koperasi-koperasi di Malaysia. Untuk perbelanjaan lain, contohnya pentadbiran ataupun representation ataupun

perwakilan tadi dan lain-lain lagi, badan puncak tersebut haruslah mencari sumber-sumber lain bukan dari kumpulan wang amanah ini. Ini hendaklah diambil perhatian kerana pendidikan anggota koperasi adalah penting, bukan sahaja pendidikan kepada pemimpin-pemimpin koperasi, tetapi pendidikan secara terus daripada guru kepada anggota di dalam gerakan dan dengan izin, member education. Pendidikan begini hendaklah dibawa ke tempat-tempat anggota koperasi berada supaya berkesan dan dinikmati oleh semua lapisan anggota koperasi yang berjumlah 2 juta orang di Malaysia ini. Kaedah ini telah memberi kejayaan kepada koperasi-koperasi di negara Jepun dan juga di Scandinavia.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya agenda pembangunan koperasi Malaysia kini bukan sahaja kepada anggota-anggota koperasi tradisional, tetapi sangat banyak boleh kita lakukan di koperasi-koperasi sekolah dan di koperasi-koperasi kilang. Dengan perkembangan ini diharap badan puncak ini nanti, dengan bantuan kumpulan wang amanah pembangunan koperasi dapat memberi pendidikan kepada 900,000 anggota koperasi remaja di lebih kurang 1,200 koperasi sekolah di seluruh negara dan pendidikan kepada 200,000 ahli-ahli koperasi kilang yang mana mereka seluruhnya adalah datang berhijrah daripada luar bandar ke bandar. Jika mereka, iaitu ahli-ahli atau anggota koperasi-koperasi remaja tadi dan koperasi-koperasi kilang yang 80%nya terdiri daripada wanita dapat diberi pendidikan dan pendedahan tentang prinsip-prinsip dan

amalan koperasi yang sejati, akan dapatlah kita menjayakan wawasan kerajaan supaya negara akan mencapai kadar pembangunan ekonomi yang pesat, perpaduan negara yang erat serta pembangunan alam sekitar yang berkekalan.

Sekian, saya dengan ini menyokong.

**Tuan Hanifah bin Ahmad:** Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar.

**4.50 ptg.**

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin bangun untuk menyokong rang undang-undang ini yang bernama satu akta untuk meminda Akta Koperasi 1993. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh yang pertamanya berkenaan dengan Fasal 2, seperti yang telah diterangkan oleh Setiausaha Parlimen tadi, iaitu bertujuan meminda subseksyen 3(2) bagi membolehkan Ketua Pendaftar menurunkan kuasa kepada pegawai-pegawai awam yang dilantik sebagai Pendaftar di peringkat negeri bagi menjalankan kuasa-kuasa Ketua Pendaftar di bawah seksyen 80.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati pada suatu masa dahulu koperasi telah hilang keyakinan dan kepercayaan masyarakat luar bandar. Ini adalah disebabkan pengurusanannya tidak amanah. Banyak wang orang-orang biasa hilang lenyap begitu sahaja, tanpa dapat dikesan dan dibuat apa-apa. Oleh yang demikian, pindaan ini amatlah tepat sekali. Tetapi saya ingin mengingatkan pihak kementerian supaya melaksanakan kuatkuasa undang-undang ini dengan berkesan sekali. Misalannya, kalau sekiranya kuasa Pendaftar itu diperturunkan kepada pegawai-pegawai awam di peringkat negeri, dan pegawai-pegawai awam di peringkat negeri ini sudah tentu mempunyai hubungan dengan lembaga-lembaga pengarah koperasi-koperasi tertentu. Sebagai manusia biasa, apabila sudah berkuasa di dalam koperasi, kemungkinan-kemungkinan mempengaruhi pegawai-pegawai awam peringkat negeri supaya memihak kepada mereka dan menyediakan laporan yang baik semuanya adalah boleh berlaku.

Memang sekali perkara ini akan terjadi, sekiranya pihak kementerian tidak memberi perhatian yang khusus dan tidak melibatkan pihak-pihak lain supaya penguatkuasaan ini dapat dilaksanakan dengan berkesan. Misalannya pihak kementerian boleh melibatkan Badan Pencegah Rasuah, pihak

kementerian boleh melibatkan pihak polis, pihak kementerian boleh melibatkan ahli-ahli biasa supaya mereka boleh membuat laporan dan diteliti terlebih dahulu.

Saya menyebut perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana gerakan koperasi ini adalah suatu gerakan yang sangat penting di dalam sebuah negara yang sedang membangun. Misalannya, gerakan koperasi boleh mengadakan supermarket seperti negara-negara yang maju. Gerakan koperasi juga boleh mengawal inflasi. Gerakan koperasi juga boleh mengumpul wang dan melabur balik yang memberi faedah dan manfaat kepada ahli-ahli. Gerakan koperasi boleh melatih ahli-ahlinya berjimat cermat, menyimpan. Tetapi apa yang kita lihat di negara kita sekarang ini, gerakan koperasi lebih tertumpu kepada memberi perkhidmatan pinjaman wang sahaja. Selain daripada itu, amat kurang sekali. Inilah pihak kementerian harus memberi perhatian di dalam bidang ini supaya koperasi menjalankan tugas perkhidmatan kepada ahli-ahli, mengadakan berbagai-bagai perkhidmatan, misalannya perkhidmatan teksis, perkhidmatan barangan, perkhidmatan lain-lain bantuan kepada anak-anak sekolah, sepertimana yang dijalankan oleh koperasi di sekolah-sekolah.

Koperasi di sekolah-sekolah sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, hanya melatih pelajar-pelajar menguruskan penjualan yang manfaat yang didapati balik oleh pihak pelajar dan sekolah itu, tidak begitu menyeluruh. Jadi, apa yang kita mahu ialah supaya koperasi ini menjalankan suatu gerakan pengurusan ekonomi ahli-ahli secara menyeluruh, meliputi soal-soal yang berkaitan di rumah, di luar dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang ingin saya menyentuh ialah Fasal 3 bertujuan meminda perenggan 54(2)(b) dan memasukkan perenggan baru (ba) untuk membolehkan koperasi-koperasi berdaftar melaburkan wang berlebihannya di dalam mana-mana pertubuhan perbadanan yang didaftarkan di Malaysia dan juga di dalam mana-mana syarikat usaha sama. Dalam fasal ini adalah amat baik dan sesuai sekali dengan keadaan perkembangan ekonomi semasa kini. Tetapi saya juga ingin mengingatkan pihak kerajaan, khususnya Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, dengan lulusnya rang undang-undang ini, kita bimbang akan ada Ahli Lembaga Pengarah yang sudah merancang dengan pihak-pihak tertentu dan dengan itu dapat mengeluarkan wang yang berlebihan itu melabur untuk kepentingan diri mereka sendiri. Ini sudah pasti akan berlaku kalau tidak diberi perhatian khusus.

Tuan Yang di-Pertua, melabur ini suatu perkara yang boleh mendapat manfaat secara sendiri dengan menggunakan wang koperasi. Misalannya seorang Ahli Lembaga Pengarah, katalah Pengerusi ataupun Setiausahanya, dia boleh berkira dengan pihak bank ataupun sesuatu badan yang ada joint venture usaha sama yang mereka rancangkan ada network yang berkaitan dengan keluarga, selepas itu gunakan wang koperasi untuk membuat aktiviti ekonomi membina kilang dan sebagainya. Selepas itu, mereka ini dengan sendirinya boleh buat pula aturan di mana mereka boleh dapat syer free dan sebagainya serta mendapat kontrak kerja, yang kepentingan itu secara tak langsung mereka boleh kaut kepentingan.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengingatkan pihak kerajaan melalui Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi supaya mengawasi hal ini, supaya ahli-ahli tidak tertipu dan wang itu akhirnya hilang begitu sahaja dan ahli tidak mendapat manfaat daripadanya.

Kemudian berkenaan fasal yang membolehkan koperasi memberi dividen yang lebih munasabah. Kita perlu ingat bahawa tujuan gerakan koperasi ini bukanlah ke arah untuk mendapatkan dividen. Inilah satu konsep yang salah. Kita jarang memberi penjelasan dan penerangan kepada ahli-ahli bahawa gerakan koperasi lebih ke arah menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan ekonomi ahli-ahli itu sendiri, seperti yang saya sebut awal-awal tadi. Dividen ini, kalau tak banyak pun, ia tidak begitu penting. Kalau kita mahu dividen yang lebih, kita pergilah melabur di tempat yang kita boleh dapat dividen lebih; seperti di amanah saham, buat fix deposit di bank, tetapi sudah tentu tempat-tempat yang begini kita tak boleh buat pelaburan secara sedikit-sedikit.

Di koperasi kita buat pelaburan secara sedikit, sebulan demi sebulan. Sebab itu masalah faedah tidaklah perlu diberi perhatian sangat. Cumanya saya ingin menyebut di sini, dividen yang munasabah yang disebut di sini ialah kadang-kadang agihan dividen itu tidak langsung diambil kira dari segi manfaat yang patut diperolehi oleh ahli-ahli. Misalannya, ada setengah pihak Lembaga Pengarah koperasi mengabui mata ahli dengan secara apabila hadir mesyuarat, memberi wang hadir mesyuarat itu lebih. Ini menguntungkan orang yang hadir mesyuarat sedangkan ahli-ahli yang tak boleh hadir mesyuarat dengan ada sebab-sebab yang tertentu, mereka ini tidak mendapat manfaat. Ini satu perkara yang perlu diberi perhatian. Dan akibat daripada memberi wang hadir mesyuarat lebih itu, mereka hanya hadir mendaftar, mengambil wang, selepas makan, hilang. Apabila berlaku mesyuarat hendak



membincangkan kewangan koperasi, membincangkan perantikan Lembaga Pengarah Koperasi, tinggal berapa kerat sahaja yang mungkin mereka telah berpakat dengan Lembaga Pengarah supaya bangun cadangan orang ini, sokong, lepas itu undi, menang begitu sahaja. Ini akibatnya, selepas itu, perjalanan koperasi itu macam lama juga, tak ada perubahan, orang itu juga, perkara itu juga dirungut.

Satu hal lagi yang saya ingin menyebut di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah bersangkutan dengan perkara-perkara yang tidak sihat yang berlaku di dalam koperasi. Misalannya, koperasi yang memberi pinjaman kepada ahli, ada banyak koperasi yang mengamalkan ahli-ahli yang hendak meminjam, yang boleh memberi sedikit sumbangan kepada pegawai-pegawai yang berkhidmat di dalam koperasi itu, mereka ini akan mendapat pinjaman dengan cepat. Misalannya, minta pinjam RM10,000, boleh beri RM100.00 atau RM200.00 cepat diproses. Ini berlaku dalam koperasi. Ini adalah salah satu daripada amalan yang bercanggah dengan prinsip koperasi. Saya tidak tahu sama ada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi sedar ataupun tidak. Jadi, kalau buat pindaan undang-undang ada segala-galanya, tetapi perkara yang kita tahu berlaku kita tak pernah mengambil tahu, tidak ada makna pindaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan dengan perkara itu juga, berkenaan dengan ahli-ahli yang meminjam mendapat dahulu, tidak mengikut queue. Ada juga saya dengar ahli-ahli yang meminjam, tetapi belum habis pinjaman, katalah ada baki lagi RM 2,000 ataupun RM3,000, tetapi bila sesak, dia boleh berkira dengan Lembaga Pengarah, isi borang, minta pinjaman lain, dia hapuskira dengan pinjaman. Katalah bakinya RM 2,000 lagi, dia minta pinjam RM7,000, tolak RM2,000, dia dapat RM5,000, dia beri kepada pegawai itu sekian-sekian banyak. Ini juga amalan yang tidak sihat. Dia membelakangkan hak ahli lain yang patut dapat, yang tidak pernah dapat pinjaman, yang ikut queue, dia terpaksa lanjutkan queue. Perkara-perkara ini harus diambil kira sebab koperasi bukan kesempatan diberi kepada ahli-ahli yang hanya hampir, yang dekat dengan pihak Lembaga Pengarah.

Perkara yang penghabisan sekali....

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Puan Rahaiah minta laluan.

**Puan Hajah Rahaiah binti Baهران:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar sama ada beliau pernah terjumpa dalam masa

dia beraktif dalam koperasi ini mana-mana ahli yang meminjam daripada koperasi kerana membeli alat-alat elektrik ataupun sebagainya tetapi pada hakikatnya bahawa alat-alat elektrik itu tidak sampai ke tangan ahli, cuma wang sahaja pergi kepada pembekal alat itu dan seluruh pinjaman itu dipulung kepada anggota yang meminjam berbentuk wang dan sedikit wang diberi kepada pembekal. Adakah pernah berlaku dalam pengetahuan Yang Berhormat?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu apa muslihat Yang Berhormat yang bertanya kepada saya itu. Apa yang saya tahu, Yang Berhormat adalah terlibat dalam perkembangan kegiatan koperasi ini. Mungkin Yang Berhormat sendiri tahu perkara itu berlaku sebab itu saya timbulkan perkara-perkara yang macam inilah. Kadang-kadang koperasi dia jadi ejen, dia jual barang-barang elektrik tetapi sudahlah dia dapat komisen daripada pihak pembekal itu selapis, lepas itu kepada orang yang beli pun dia dapat juga. Kadang-kadang kawan itu kata hendak beli barang tidak dapat, dia ambil duit, barang itu dia cari jalan pergi mana, sebab beli melalui koperasi ini harganya sudah tentu lebih murah daripada tempat lain. Memang perkara itu, Yang Berhormat lebih maklum daripada saya. Jadi, boleh saya sambung? Saya tidak perlu jawablah, perkara itu memang Yang Berhormat lebih maklum. Menteri boleh jawab yang ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang akhir sekali yang saya ingin sebutkan ialah berkenaan dengan pindaan kumpulan wang amanah pendidikan dan pembangunan koperasi. Saya terlibat sebagai pendidik selama 26 tahun dan saya juga pernah hadir kursus berkenaan dengan koperasi ini di maktab-maktab kerjasama dan juga di peringkat negeri dan tiap-tiap kali mesyuarat memang saya mengambil bahagian dan ada perkara yang saya timbulkan kadang-kadang macam di Kedah itu, bila saya sudah bertukar ke Perlis, kalau saya tidak ada di situ, orang kata sunyilah mesyuarat. Pakai habis cepat begitu sahaja. Ini sikap orang - orang Melayu terutama sekali. Bila ada orang bercakap dia kata itu sengaja rajin bercakap, tetapi bila kita tidak ada, dia kata sunyi pula. Bila perkara itu berlaku tidak betul besok, dia kata, ha Lembaga Pengarah buat khianat dan sebagainya. Dia tidak tahu yang mana satu priority hendak beri perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan di sini, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan dan Pembangunan Koperasi ini bertujuan untuk memberi kursus dan kita harus ingat kursus ini bukan hanya kepada Lembaga Pengarah. Dia hendaklah diberi kepada seberapa ramai ahli koperasi yang

boleh. Apa yang kita tahu sekarang ini, saya boleh dapat penjelasan daripada pihak Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, setakat ini mengikut rekod kementerian berapa ramai ahli-ahli daripada sesebuah koperasi itu yang diberi peluang menghadiri kursus. Adakah cukup penjelasan, hebahan yang diberi kepada ahli siapa yang berminat untuk hendak hadir kursus, sekian-sekian dapat elau hadir, sekian-sekian lama, boleh diberi kecuali cuti tanpa rekod dan sebagainya.

Adakah perkara ini dihebah kepada ahli ataupun bila sampai sahaja ada kursus, senyap-senyap berkira bahagi sesama lembaga pengarah. Orang itu juga hadir, dua tiga puluh kali dalam setahun, pakat sama-sama lembaga pengarah. Orang lain tidak dapat pengetahuan langsung. Ini bercanggah dengan prinsip koperasi. Itu sebabnya ahli-ahli lain bila hadir dapat duit, lepas itu balik, tahu berlaku pecah amanah dan sebagainya masing-masing merungut. Kita bukan tidak tahu perangai orang Melayu sekarang ini macam itu.

Oleh sebab itu saya mengingatkan pihak kementerian supaya memberi perhatian di dalam perkara ini. Wang Kumpulan Amanah Pendidikan dan Pembangunan Koperasi ini hendaklah diguna mengikut prinsip koperasi itu sendiri. Bila ramai ahli yang faham berkenaan dengan koperasi ini mereka dapat memainkan peranan dan dengan itu pengurusan koperasi yang ada di negeri kita ini berjalan dengan baik, kukuh dan semua orang faham, maknanya dia boleh memberi sumbangan kepada ekonomi negara dan seterusnya kepada faedah dan manfaat ahli-ahli itu sendiri.

Dengan kata-kata itu, saya menyokong pindaan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat Puan Kamilia.

**5.07 ptg.**

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana membenarkan saya untuk memberi sedikit sumbangan dalam membahaskan usul ini. Saya hanya ada empat perkara yang ingin saya kemukakan, yang perlu juga saya beri penekanan. Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah berjaya mengemukakan pindaan-pindaan tambahan yang telah dibentangkan. Yang pertamanya mengenai Fasal 2 iaitu untuk mengenakan penalti - surcharge bagi pihak pegawai-pegawai yang telah pecah amanah. Kita sedia tahu bahawa koperasi ini sangat popular di kalangan orang-orang Melayu terutamanya di luar bandar. Dan kita juga tahu koperasi ini adalah merupakan satu daripada cara orang-orang Melayu juga menganggap diri mereka

menyertai urusan perniagaan. Jadi, adalah menjadi satu perkara yang sangat penting, pengurusan koperasi ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan pengurusan koperasi juga mempunyai satu integriti dan kredibiliti yang tidak boleh dipertikaikan.

Tadi, kedua-dua rakan yang telah berucap sebelum saya telah banyak menimbulkan rasa tidak puas hati tentang pengurusan koperasi. Dan saya amat berharap bahawa dengan pindaan ini sepertimana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi bahawa pindaan ini adalah merupakan usaha-usaha untuk kita mempertingkatkan pengurusan koperasi. Saya ingin mengingatkan bahawa walaupun kita telah membuat pindaan-pindaan tersebut, hendaklah dipastikan bahawa mekanisme untuk melaksanakan dan penguatkuasaan rang undang-undang yang telah dibentangkan itu adalah merupakan mekanisme yang dapat dilaksanakan agar tidak nanti apa yang telah dibentangkan itu tidak dapat dilaksanakan kerana adanya perkara-perkara terutamanya dari segi undang-undang yang akan dapat mencatatkan tindakan-tindakan yang akan diambil.

Ini terutamanya dari segi prinsip-prinsip natural justice, dengan izin. Kerana kita tahu dengan adanya penguatkuasaan undang-undang yang hendak dilaksanakan jikalau tidak dipatuhi prinsip-prinsip natural justice, dengan izin, maka penalti-penalti yang akan dilaksanakan mungkin tidak akan dapat dilaksanakan dengan baik.

Saya menekankan perkara ini dengan serius kerana memang biasa perkara ini didengar, terutamanya di kampung-kampung rasa tidak puas hati dan saya juga ingin menyarankan supaya pihak kementerian dapat menggubal satu cara di mana dapat ahli-ahli koperasi terutamanya di luar bandar dapat terlibat bahawa apa yang dibentangkan terutamanya dari segi kewangan koperasi itu benar-benar dapat meyakinkan ahli-ahli bahawa koperasi itu diurus dengan baik terutamanya dari segi pembahagian saham-saham kepada koperasi, bagaimana saham-saham itu diuruskan, pembahagian tanah-tanah kepada koperasi bagaimana tanah itu diuruskan. Ini adalah merupakan perkara-perkara yang sangat serius dan perlu diberi perhatian sepenuhnya dan saya percaya pihak kementerian bekerja keras untuk memastikan bahawa perkara-perkara ini tidak timbul dan pengurusan akan terus menjadi cekap dan efisien.

Yang keduanya ialah tentang pindaan yang dibuat di bawah Fasal 5 iaitu kuasa yang diberi kepada menteri untuk menentukan cara pengurusan

Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan juga Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi. Ini juga amat dialu-alukan kerana perkara ini juga telah menimbulkan pelbagai persoalan kerana tidak adanya satu garis panduan bagaimana Kumpulan Wang Pendidikan Koperasi dilaksanakan dan juga bagaimana wang itu digunakan.

Begitu juga timbul pelbagai persoalan sama ada wang untuk Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi ini benar-benar telah dapat dikumpulkan daripada koperasi-koperasi yang berkenaan. Mungkin saya boleh dapat penjelasan daripada pihak kementerian, berapa banyakkah koperasi yang telah gagal untuk membuat pembayaran-pembayaran tersebut dan bagaimanakah ianya dapat dikaut balik oleh pihak kementerian untuk kumpulan wang yang disebutkan?

Saya juga mengharapkan pekerja-pekerja koperasi juga dapat memanfaatkan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi agar mereka ini dapat dipertingkatkan dari segi prestasi dan juga dari segi profesionalisme mereka agar mereka ini dapat diberi latihan-latihan seperti dengan izin, book keeping, komputer dan juga motivasi supaya koperasi-koperasi akan dapat terus memiliki ahli-ahli dan pekerja-pekerjanya yang bermotivasi untuk meneruskan aspirasi koperasi.

Yang ketiganya, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang kawal selia prestasi koperasi. Walaupun kita dengar banyak koperasi-koperasi yang telah

ditubuhkan tetapi banyak juga koperasi yang telah ditutup. Di sini inginlah saya mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian apakah sebenarnya polisi-polisi kementerian mengenai koperasi-koperasi yang ditutup dan juga apakah polisi-polisi kerajaan dalam pembentukan koperasi-koperasi yang baru? Kerana terlalu banyaknya koperasi, kadangkala saya sendiri merasakan mungkin perlu ada kawalan-kawalan tertentu untuk mewujudkan koperasi-koperasi, kerana seperti yang saya sebutkan dari awal tadi, koperasi-koperasi ini banyak juga yang menimbulkan masalah-masalah dan salah faham dan salah tuduh di antara ahli-ahli.

Saya juga ingin mendapat penjelasan apakah yang akan dilakukan ataupun apakah tindakan kementerian ataupun JPK bagi Koperasi Minibus Wilayah yang kini mungkin akan di'phase out'kan, dengan izin, kerana akan berlakunya perubahan-perubahan dalam kegiatan aktiviti koperasi tersebut dan ini juga saya pasti adalah mempunyai kait mengait dengan polisi kementerian mengenai penutupan koperasi.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang pengkorporatan koperasi. Kita tahu bahawa dalam pindaan yang telah dibentangkan juga, pindaan membolehkan koperasi menggunakan syarikat-syarikat ataupun membuat pelaburan dalam syarikat-syarikat dan antara lain kita juga tahu bahawa ini juga akan membolehkan sesebuah koperasi sebagaimana yang telah kita luluskan dalam rang undang-undang yang lalu menjadi sebuah badan

korporat. Soalnya ialah sama ada koperasi-koperasi yang menjadi korporat ini dan kita tahu juga akan adanya koperasi-koperasi yang akan memilih untuk menjadi korporat, sama ada koperasi-koperasi yang memilih untuk dikorporatkan itu akan dapat terus menjadi koperasi jika ada pilihan bagi ahli-ahli yang mahu mengekalkan koperasi itu terus akan menjadi sebuah koperasi. Kerana ini perlulah ada satu polisi yang jelas bagaimanakah pilihan bagi ahli-ahli koperasi itu untuk sama ada koperasi yang akan dikorporatkan itu akan terus dilupuskan ataupun koperasi itu akan terus jika ada ahli-ahli yang mahukan koperasi itu terus hidup akan mempunyai pilihan untuk terus hidup sebagai sebuah koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dan yakin di bawah kementerian dan menteri yang ada sekarang serta juga rakan-rakannya, kementerian yang mengendalikan koperasi akan terus berjaya. Ini saya lihat terutamanya daripada perkara-perkara yang telah dibawa untuk dipinda di Dewan yang mulia ini dan juga di Dewan Rakyat. Kita sedar bahawa kementerian sangat peka dan prihatin untuk membawa perkara-perkara yang berkaitan dengan koperasi yang mempunyai masalah-masalah dibawa untuk diperbaiki dengan meminda undang-undang. Sebab kita tahu bahawa tanpa undang-undang itu, penguatkuasaannya tidak akan dapat dilaksanakan.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Baba.

**5.15 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 1996.

Pertama sekali, saya hendak memperkenalkan kedudukan saya dalam koperasi. Saya ialah Pengerusi Koperasi Pekebun Kecil Negeri Melaka, bukan daerah. Mengandungi ahli seramai lebih 8,800 orang sekarang ini dan saya berpengalaman mengendalikan koperasi ini lebih kurang lima tahun. Daripada koperasi ini hampir bankrap, hampir wangnya pupus begitu tetapi dapat saya hidupkan semula, saya pelihara dengan baik. Daripada ahli seramai 3,700 orang, naik meningkat sekarang ini 8,000 orang, Alhamdulillah. Pada tahun yang lepas koperasi saya yang bergabung dengan NARSCO sebanyak 64 buah koperasi seluruh Malaysia, saya dapat anugerah yang pertama oleh kerana menang dalam pengurusan, pengurusan kewangan dan sebagainya. Jadi, bukan hendak 'gah' tetapi hendak menerangkan pengalaman saya dalam koperasi.

Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, saya pun merasa terkilan kedudukan koperasi pekebun kecil setiap yang wujud dalam negara kita sama ada peringkat daerah dan negeri ialah diilhamkan oleh pihak RISDA pada ketika itu. Banyak yang ada sekarang ini semuanya diilham dan diwujudkan oleh RISDA. Tetapi



pengendaliannya ialah pemilihan lembaga pengarah diputuskan dalam mesyuarat agung. Itu mengikut undang-undang, termasuk dalam Akta Koperasi.

Baru-baru ini berlaku satu perkara yang berlainan sedikit bahawa saya tidak menyangka undang-undang itu diubah oleh pihak tertentu - tidak segan saya mengatakan pihak RISDA - bahawa Pengarah RISDA boleh menjadi Yang di-Pertua kepada koperasi. Yang anehnya, dia boleh mencadangkan tiga orang lembaga pengarah daripada pengarah RISDA ini. Sekalipun lembaga pengarah yang dibentuk atau dilantik ini diluluskan oleh lembaga pengarah yang dipilih tetapi dia berkuasa melantik tiga orang. Pada saya tidak kena cara yang dipilih oleh Pengarah RISDA. Sepatutnya lembaga pengarah yang tiap-tiap kita hendak lantik mesti melalui mesyuarat agung, dipilih, dicadangkan oleh ahli-ahli perwakilan dalam mesyuarat agung itu. Itu yang sebenarnya. Tetapi mengapa keadaan ini berlaku? Jadi, tidak menyenangkan pihak tertentu dan saya dapat tahu bahawa Koperasi Pulau Pinang juga, pihak-pihak tertentu hendak mengambil alih bila mana koperasi ini telah maju dan ada pihak-pihak tertentu hendak mengambil alih daripada kedudukan lembaga pengarah itu, sudah pun berlaku di Pulau Pinang.

Jadi, saya tidak senang hati keadaan yang sedemikian bahawa Pengarah RISDA sendiri memainkan peranan seolah-olah hendak mengambil alih, pada hal pengendalian itu dibuat oleh pekebun-pekebun kecil yang menjadi ahli

koperasi. Hak mereka melantik sesiapa yang mereka suka, yang patut disuarakan, yang boleh diketengahkan, yang boleh memimpin koperasi. Mengapa menggunakan Pengarah RISDA sendiri? Yang berhak melantik, kalau tidak silap saya, ialah menteri yang berkenaan berhak melantik siapa yang dia hendak tambah, itu pun tidak ramai, yang ditentukan, terutama sekali dalam koperasi, bukan koperasi ataupun Lembaga Pertubuhan Peladang. Tetapi ini berlaku dalam Koperasi Pekebun Kecil sendiri. Ini masalahnya yang saya rasa terkilan keadaan ini supaya dapat diperbetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan menteri yang berkenaan, saya hendak cerita sedikit bahawa ada sebuah koperasi namanya Koperasi Ladang Pekebun Kecil. Di bawah persatuan pekebun kecil, mereka yang hendak jadi ahli Koperasi Ladang Pekebun Kecil peringkat kebangsaan ini hendaklah menjadi ahli persatuan pekebun kecil, membayar sebanyak RM12 menjadi ahli seumur hidup dan mereka boleh menjadi ahli dan saham yang ditentukan sekurang-kurangnya RM100 termasuk wang pembayaran masuk RM2. Apa yang berlaku sudah bertahun-tahun tidak dapat diselesaikan. Saya harap pihak yang berkenaan akan dapat menyiasat perkara ini iaitu Koperasi Ladang Pekebun Kecil telah pun mendapat tanah daripada kerajaan-kerajaan negeri, minta maaf, saya tidak tahu angka yang sebenar, lebih kurang hampir 30,000 ekar. Dan tanah-tanah ini diamanahkan kepada pihak RISDA di bawah anak syarikat RISDA yang bernama Aspek, mengendalikan, memajukan dan

mengusahakan tanah-tanah tersebut. Sekarang ini bukan sahaja yang telah diusahakan mendapat hasil, tetapi dapat keuntungan berjuta ringgit oleh pihak Aspek tadi.

Wang ini masih ada kepada Aspek, tanah-tanah ini pun dikelolakan oleh Aspek. Mengikut perjanjian, Koperasi Ladang mengamanahkan, menggunakan wang ses daripada pekebun-pekebun kecil ini untuk mengendalikan tanah ini. Setelah dimajukan, bila mana Koperasi Ladang Pekebun Kecil minta semula tanah tersebut, pihak yang berkenaan tidak dapat memulangkan, masih tidak mahu menyerahkan, jadi berlakulah dua kawasan tanah. Saya berharap Yang Berhormat kena menyiasat perkara ini dengan lebih teliti supaya dapat menyelesaikan masalah yang berlaku sekarang.

Saya juga adalah ahli Persatuan Pekebun Kecil, saya sudah duduk selama 14 tahun. Koperasi ini pula saya sudah duduk selama 9 tahun, daripada tidak ada hasil, tidak ada apa imbuhan, datang dari Melaka ke Kuala Lumpur, tidak diberi apapun.

Sekarang ini ada sedikit pendapatan daripada hasil tanah yang ada di Sungai Ambat, Mersing sebanyak 5,000 ekar dan 2,000 ekar di Negeri Sembilan. Tanah ini telah pun diserahkan oleh RISDA kepada Koperasi Ladang Pekebun Kecil, lebih kurang 3 tahun yang lepas. Pengendaliannya dibuat oleh pihak Aspek lagi, tetapi baru-baru ini kita telah pun meminta supaya Aspek memulangkan kerja-kerja pengurusan ini kepada Koperasi

Ladang sendiri untuk menguruskan, tetapi tidak selesai juga, masih lagi orang kampung kata 'tarik tali'. Dia tidak mahu pulangkan, sedangkan nama itu telah pun diberikan daripada lebih kurang 30,000 ekar dapatlah 7,000 ekar, dipulang kepada Koperasi Ladang Pekebun Kecil.

Pihak pengurusan telah pun menulis surat mengikut cara yang betul, cara muafakat supaya penyerahan semula pengurusan ini daripada Aspek, anak syarikat RISDA kepada Koperasi Ladang Pekebun Kecil, tetapi sehingga hari ini tidak boleh selesai. Sebab-sebab pengurusan ini diserahkan kepada Koperasi Ladang Pekebun Kecil, kerana ada perkara-perkara yang tidak dapat menyenangkan hati oleh pihak ladang. Saya difahamkan pokok-pokoknya tidak berbaja, pengendaliannya tidak begitu elok, minta tanah ini bukan yang 30,000 ekar, tetapi cuma 7,000 ekar sahaja supaya pengendalian pengurusan ini diuruskan sendiri oleh Koperasi Ladang Pekebun Kecil, tetapi sehingga hari ini Yang Berhormat perkara ini belum lagi dapat selesai.

Saya mengharapkan supaya Yang Berhormat mengambil perhatian dalam soal tersebut supaya menyelesaikan masalah ini, kerana koperasi ladang juga adalah dianggotai oleh pekebun kecil, RISDA juga dikendalikan oleh pekebun kecil. Mengikut perjanjian, memberikan amanah sahaja untuk memajukan tanah itu, jadi apakah salahnya diserahkan semula kepada koperasi?

Ahli koperasi ialah ahli pekebun kecil, orang itu juga yang menerimanya supaya dapat pengurusan yang lebih baik, yang lebih elok, yang kita tahu

bahawa selama ini sebahagian daripada koperasi ini tidak ada harta, telah pun dapat dipulangkan sebanyak 7,000 ekar sahaja. Itu pun pada masa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Kasitah Gadam, kalau tidak silap saya dan dibantu oleh Yang Amat Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba - dapat 7,000 ekar, itu adalah hak Koperasi Ladang Pekebun Kecil, bukan hak RISDA, bukan hak Aspek. Inilah masalahnya sekarang ini masih lagi tarik tali, yang tidak selesai, yang boleh menjadi pertelingkahan dan yang ruginya besok ialah pekebun kecil.

Sekali lagi saya minta Yang Berhormat untuk menyiasat dengan lebih halus lagi supaya dapat diselesaikan dan dapat diserahkan kepada Koperasi Ladang Pekebun Kecil untuk mengendalikan pengurusannya, untuk dikuasai oleh pekebun kecil sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menyentuh berhubung dengan perkara yang ada kaitan dengan Rang Undang-undang Koperasi. Kita tahu bahawa Angkasa ialah satu badan atau organisasi yang dapat menaungi ahli-ahli koperasi yang banyak membuat rancangan. Angkasa juga mendapat imbuhan atau caruman wang daripada koperasi-koperasi, daripada keuntungan koperasi, kalau tidak silap saya sebanyak 2%, diberikan kepada Angkasa. Sepatutnya Angkasa ini memainkan peranan yang lebih luas lagi khususnya kepada Lembaga Pengarah Koperasi-koperasi di dalam negara kita. Bukan sahaja Koperasi Pekebun Kecil yang saya sebut, yang ada terdapat 54 buah

koperasi di seluruh negara, tetapi kepada koperasi-koperasi di luar bandar supaya diberikan kursus-kursus intensif, yang lebih mendalam lagi, pengetahuan yang lebih baik, pengurusan kewangan dan sebagainya, iaitu sepatutnyalah Angkasa memainkan peranan tersebut supaya Angkasa tidak sahaja mengendalikan hal-hal koperasi di dalam bandar.....

**Puan Hajah Rahaiah binti Baheran:** *[Bangun]*

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat, Puan Hajah Rahaiah binti Baheran minta laluan.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Sila

**Puan Hajah Rahaiah binti Baheran:** Saya minta laluan, saya ingin memberitahu bahawa 2% itu salah - 1%.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** 1%, saya minta maaf. Saya pun tidak meneliti sangat hal tersebut kerana suasana sekarang sibuk sedikit, itu yang saya ingat - minta maaf. Jadi, itulah penekanan saya supaya Angkasa memainkan peranan, memberikan kursus, memberikan seminar yang lebih intensif lagi khasnya kepada Lembaga Pengarah Koperasi-koperasi di luar bandar supaya satu hari nanti koperasi di luar bandar ini akan menjadi korporat, supaya boleh dapat dicontohi dan dapat berganding, bagaimana koperasi di dalam bandar atau koperasi-koperasi yang ada kaitan dengan kakitangan kerajaan yang maju sebagaimana yang kita tahu hari ini.

Perkara yang lain, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh ialah berhubung dengan pinjaman yang diberi oleh pembangunan koperasi kepada koperasi-koperasi pekebun kecil atau koperasi-koperasi di luar bandar. Saya dapati kadang-kadang susah sangat untuk memberikan pinjaman, kalau mengikut kemajuan zaman, zaman yang canggih ini, mana-mana ada koperasi yang boleh membangun, yang hendak membangun, yang kita nampak ada berkebolehan di bawah kepimpinan sesuatu koperasi tempat itu maka hendaklah diberikan kemudahan.

Saya berharap supaya Yang Berhormat dapat mengambil perhatian ini kerana maklum sahajalah kalau hendak pinjam bank berbeza dengan pinjaman yang diberi oleh Badan Pembangunan Koperasi, pembayarannya jauh beza - kurang interestnya. Oleh itu, haruslah dibantu koperasi-koperasi di luar bandar ini lebih sedikit daripada koperasi yang telah maju, mudah-mudahan koperasi di luar bandar akan mendapat kejayaan yang didokong oleh pekebun-pekebun kecil. Dengan ini, saya menyokong rang undang-undang tersebut.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Dijemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

**5.28 ptg.**

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengambil kesempatan hendak merakamkan penghargaan dan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada keempat-empat Ahli-

ahli Yang Berhormat yang telah banyak menyuarakan pandangan, teguran, kritikan dan ada juga yang membahas peraturan pindaan undang-undang, ada yang tidak membahaskan. Namun pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, kesemuanya telah mengutarakan dengan semangat dan kefahaman yang mendalam dan pada hemat saya keprihatinan terhadap perkembangan gerakan koperasi di dalam tanah air kita ini.

Sebelum saya menjawab dengan lebih detail, ingin saya menyatakan bahawasanya pada ketika ini kalau boleh saya nyatakan secara menyeluruh, pada prinsipnya koperasi ini adalah badan atau satu gerakan yang sesungguhnya harus didatangi daripada kemahuan anggotanya sendiri dan prinsipnya kalau ditanya saya, berbagai-bagai istilah yang ada pada hari ini, yang menjelaskan prinsip-prinsip koperasi.

Pada saya asas prinsipnya ialah mahu mengubah nasib sendiri dengan cara tolong-menolong dan kalau kita tengok ini sebenarnya ada di dalam ajaran agama Islam, satu pengajaran yang mengajak kita seperti dinyatakan di dalam satu firman, 'Tidak akan diubah nasib mana-mana kaum kecuali kaum itu mahu mengubahkannya'. Ini bererti bahawa prinsip koperasi apa juga gerakan harus didatangi, dipelopori oleh anggota-anggota itu sendiri.

Kedua, prinsipnya ialah bersesuaian juga dengan prinsip Islam iaitu yang bermaksud 'Mukmin itu bersaudara', maka apa juga permasalahan kalau kita dapat atasi secara tolong-menolong, bantu-membantu dengan penuh semangat persaudaraan maka itu adalah prinsip koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kerajaan memang menyedari bahawasanya koperasi masih mempunyai fungsi, peranan dan relevan di saat di mana negara kita sedang menghadapi pembangunan yang begitu pesat dan walaupun dikatakan aliran perekonomian negara kita sedang menuju ke arah pengkorporatan, perniagaan yang besar-besar tetapi gerakan koperasi di dalam



negara kita masih relevan. Sebab itulah kerajaan mengambil perhatian yang amat berat di atas perkembangan dan pertumbuhan koperasi, diberi dorongan, diberi sokongan, diberi galakan, dipinda peraturan-peraturan, dipinda undang-undang untuk memudahkan gerakan koperasi kita berkembang sejajar dengan perkembangan ekonomi dan kepesatan pembangunan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar dengan begitu teliti di atas cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dan pada pandangan saya boleh dikatakan hampir kesemuanya ada meritnya dan saya telah memohon pegawai-pegawai di belakang mencatat setiap seorang yang telah menyuarakan pandangan dan, insya-Allah, akan diambil dengan secara yang amat serius di atas apa juga yang telah ditekankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahaiah telah banyak mengutarakan permasalahan umpamanya 'pindaan'. Sesungguhnya pindaan ini adalah satu manifestasi, satu petunjuk bahawasanya kerajaan memang prihatin, kerajaan tidak mahu gerakan koperasi tertinggal di dalam kancah pembangunan yang begitu hebat dan mahu mengheret perkembangan dan gerakan koperasi sesama dengan pertumbuhan anggota-anggota lain dalam masyarakat kita. Sebab itulah pindaan-pindaan yang kita utarakan pada petang yang berbahagia ini dimajukan kepada pihak Senat supaya ianya dapat memberi satu nafas baru kepada gerakan koperasi untuk sama-sama berkecimpung dan mengaut

keuntungan ataupun manfaat daripada arus pembangunan yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, ditanya tadi apakah pindaan ini perlu, apakah peratus terkini yang berjaya mematuhi mesyuarat agung dalam masa enam bulan, sukacita saya menyatakan bahawasanya ketika ini hampir 80% daripada keseluruhan gerakan koperasi yang berdaftar dalam negara kita telah berjaya mengadakan mesyuarat agungnya sesuai dengan peraturan yang telah ditetapkan. Dan ada juga pandangan agar disatukan koperasi-koperasi yang berasaskan pertanian dan perikanan di dalam Jabatan Pembangunan Koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyatakan bahawasanya kementerian memang bersetuju untuk bila-bila masa mengambil alih peranan yang dimainkan oleh LPP ataupun LKIM dan sesungguhnya kita lakukan sedemikian adalah kerana kementerian menerima permohonan daripada pihak-pihak yang berkenaan supaya koperasi-koperasi yang berasaskan kepada tani dan perikanan diletak di bawah LPP dan LKIM.

Walau bagaimanapun, peraturannya adalah sama, hanya kuasa pendaftar sahaja diturunkan kepada ketua-ketua pengarah yang berkaitan. Sukacita saya menyatakan bahawasanya kementerian bersetuju dengan peraturan yang sedemikian adalah kerana kita merasakan bahawasanya badan-badan yang berkaitan, LPP dan LKIM, dirasakan lebih arif dan lebih berkemampuan untuk

mengendalikan koperasi-koperasi yang berasaskan kepada tani dan perikanan untuk membantu koperasi-koperasi yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahaiah juga telah .....

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Puan Rahaiah minta laluan.

**Puan Hajah Rahaiah binti Baheran:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin mendapat penjelasan dari kata-kata Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen tadi bahawa wajar diletakkan di bawah Kementerian Pertanian dan dikatakan berkembang. Apakah perkembangan itu bermakna pengurangan jumlah koperasi dan tidak ada pertumbuhan baru, adakah itu dinamakan perkembangan yang baik?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Saya tidak sebut perkataan 'berkembang'. Saya mengatakan bahawasanya kita letakkan di bawah kementerian yang berkenaan kerana dirasakan kementerian yang berkenaan mempunyai kepakaran pengkhususan di dalam bidang-bidang tertentu. Tetapi dimaklumkan kepada kita pada hari ini bahawasanya ianya tidak berkembang, kalau boleh saya nyatakan bahawasanya, kalau benar koperasi-koperasi yang diletakkan di bawah Kementerian Pertanian tidak berkembang, bolehlah saya katakan bahawasanya ialah satu 'reflection', satu cerminan daripada kegiatan ekonomi di dalam bidang perikanan dan pertanian.

Sukacita saya menyatakan bahawasanya kalau kita lihat kepada perangkaan sekali pun, perangkaan atau statistik telah menunjukkan bahawasanya pada ketika ini negara kita telah mengalami kekurangan angka nelayan, walaupun saya tidak menduduki di dalam kementerian yang berkaitan, tetapi saya mengetahui bahawasanya jumlah nelayan-nelayan di dalam negara kita sudah pun berkurangan dan saya percaya penekanan pula kepada pertanian. Oleh kerana kita telah menggubal Dasar Pembangunan Negara yang berbeza dengan Dasar Ekonomi Baru yang teras perbezaannya adalah yang pertamanya, adalah perubahan kepada pembangunan negara yang berteraskan kepada dahulunya Dasar Ekonomi Baru kepada pertanian, tetapi pada hari ini yang berteraskan kepada pembangunan industri, maka secara natural, alam semula jadi bahawasanya keadaan yang sedemikian terdapat di dalam gerakan-gerakan koperasi yang berasaskan kepada pertanian dan yang berasaskan kepada perikanan.

Tuan Yang di-Pertua, namun saya suka mengulangi bahawasanya kiranya koperasi-koperasi yang berkenaan masih merasakan JPK adalah yang terbaik, kementerian memang tidak ada halangan untuk menerima mereka masuk ke pangkuan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi jika mendapat persetujuan daripada pihak Kabinet. Dan saya memohon Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan, yang berkaitan, yang berkecimpung dalam

gerakan koperasi boleh mengutarakan pandangan-pandangan ini di akar umbi supaya akar umbi menerima peralihan kepada haluan yang lebih baru.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, cadangan dari Yang Berhormat Puan Senator Rahaiah agar diiktiraf Angkasa, memang saya ingin menyatakan sekali lagi bahawasanya kerajaan khususnya kementerian mengiktiraf Angkasa sebagai badan puncak. Oleh itu, kalau dikatakan kedua-dua kumpulan wang amanah tadi, yang pertamanya Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi, memang kita mempunyai anggota-anggota yang bergerak di dalam bidang koperasi yang dilantik oleh menteri menganggotainya dan kalau tidak silap saya seramai empat orang.

Dalam Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi pula, tatacara yang sama akan dilakukan dan saya akan membawa perhatian kepada kementerian saya agar diberi pertimbangan yang seajarnya kepada tokoh-tokoh koperasi termasuk di dalam gerakan Angkasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahaiah bahawasanya perlu diwujudkan keintiman ataupun perhubungan yang lebih intim di antara pihak kementerian dan Angkasa. Saya sangat bersetuju bahawasanya kerjasama kedua-dua badan ini adalah amat penting khususnya dengan Jabatan Pembangunan Koperasi kerana tidak ada jalan lain dan jalan keluar kalau kita mahu gerakan koperasi dibangunkan

dengan secara positif, lebih dinamis dalam keadaan yang sedemikian rupa maka tidak ada jalan keluar kecuali Angkasa dan Jabatan Pembangunan Koperasi bekerjasama dan bekerja sama-sama dalam meningkatkan pergerakan koperasi di tanah air kita.

Saya juga bersetuju dan saya percaya ini adalah matlamat kursus dan seminar-seminar yang dijalankan oleh MKM iaitu agar kita mengelakkan program-program yang hanya semata-mata bercorak glamour. Tetapi kalau sekiranya ianya glamour dan ianya memberi manfaat kepada lebih ramai anggota koperasi, mengapa tidak? Hanya saya hendak menyatakan bahawasanya program-program seminar dan kursus-kursus yang dianjurkan oleh MKM adalah sesungguhnya untuk mengisi kekosongan dari pembangunan minda manusia itu sendiri.

Kita tidak terlibat dengan pembangunan teknologi, tidak terlibat dengan pembangunan mesin, indeed, dengan izin, MKM adalah satu badan ataupun maktab yang terlibat khusus untuk mempertingkatkan the human side of the human being. Jadi, oleh itu saya sangat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator agar kita tidak terlibat dengan perkara-perkara yang membazirkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Abu Bakar juga telah banyak mengutarakan perkara-perkara yang boleh kementerian mengambil perhatian dan catitan dan akan melaksanakan beberapa cadangan,

insya-Allah, dan sukacita saya menyatakan bahawasanya saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Senator Haji Abu Bakar yang telah mengalu-alukan beberapa pindaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, peruntukan kuasa di bawah Seksyen 3(2) bagi mensurcaj pegawai koperasi tidak semestinya diperuntukan kepada pegawai-pegawai negeri ataupun pendaftar negeri sahaja. Tetapi ia juga membenarkan perlantikan pegawai-pegawai awam yang lain, termasuk pegawai-pegawai di peringkat ibu pejabat untuk melaksanakan tugas surcaj dan kalau sekiranya dikhuatirkan bahawa pegawai-pegawai di peringkat negeri yang mempunyai perhubungan yang intim ataupun baik dengan pengarah-pengarah ataupun pengerusi koperasi di peringkat negeri, maka itu adalah sesungguhnya "a test of their professionalism", dengan izin. Kalau sekiranya mereka mengizinkan perhubungan itu mengatasi undang-undang dan peraturan-peraturan, maka sesungguhnya pegawai yang demikian adalah bukan pegawai yang profesional. Saya mempunyai keyakinan bahawasanya pegawai-pegawai kita, khususnya dalam Jabatan Pembangunan Koperasi adalah pegawai-pegawai yang melaksanakan dengan penuh semangat professionalism di dalam tugas masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, dicadangkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Bakar tadi agar kes-kes jenayah pecah amanah itu dibawa kepada makluman polis dan BPR, sesungguhnya itu adalah dalam perhatian jabatan atau

kementerian. Dan cadangan untuk berwaspada dalam pelaburan, kementerian bersetuju, sebab itulah di dalam pindaan ini pelaburan oleh koperasi yang mempunyai wang berlebihan boleh dilakukan setelah mendapat persetujuan daripada pihak pendaftar. Dalam erti kata lain, masih ada ikatan lagi dengan jabatan dan tidaklah boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya oleh badan-badan ataupun koperasi yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam istilah pengurusan pembayaran wang hadir mesyuarat yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Haji Abu Bakar Ismail, ingin saya menyatakan bahawasanya yang diizinkan oleh peruntukan undang-undang ataupun peraturan, adalah hanya untuk re-imbursment, ataupun pembayaran bagi belanja tambang dan juga kerugian yang seseorang itu menghadiri mesyuarat kerana meninggalkan kerja, maka berasaskan kepada quantum yang sedemikian, bolehlah dibayarkan bayaran hadir mesyuarat. Matlamatnya adalah untuk menentukan agar mereka yang menghadiri mesyuarat agung juga diberi kemudahan untuk menghadirkan diri mereka dan kalau ada penyelewengan, inilah yang saya nyatakan tadi, bahawasanya - apakah undang-undang, undang-undang ini adalah 'laws', dengan izin, the good don't need the laws, the bad will break all the laws. Yang baik itu tidak perlu apa-apa undang-undang, undang-undang ini kalau kita buat, yang hodoh perangnya juga akan terus melanggar undang-undang itu. Sebab itu kita ada peraturan-peraturan dan kalau kita tengok kepada peraturan-peraturan kita, kita



ada surcaj, kita ada hukuman-hukuman yang setimpal yang dilakukan oleh mereka, kesalahan yang dilakukan oleh pengamal-pengamal koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, tadi telah ditanya berapa ramai yang telah mendapat faedah. Sesungguhnya, kalau hendak dihitungkan ramai, ada yang mencadangkan supaya kita memberi kursus kepada semua anggota koperasi. MKM dengan Angkasa telah mempunyai persefahaman, Angkasa akan meluaskan dengan secara extensive, kursus-kursus untuk menarik dan untuk memahamkan seberapa ramai orang dari segi prinsip berkoperasi. MKM akan memainkan peranan, kalau boleh secara relatifnya membandingkan Angkasa akan memberi tumpuan kepada kuantiti - lebih utama, kemudian dibaikkan kualiti yang banyak kuantiti tadi, tetapi MKN pula akan memberi tumpuan kepada kualiti 'management of co-operative', iaitu memberi tumpuan kepada pengurusan badan-badan koperasi. Oleh sebab itu ada perbezaan, tetapi ada keserupaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1995, Jabatan Pembangunan Koperasi sahaja telah mengadakan 1,440 kursus dan seminar yang melibatkan peningkatan pengetahuan dari segi pengurusan kepada 75,487 anggota dan saya juga difahamkan bahawasanya MKM juga mengatitkan tidak kurang daripada 100 kursus dan seminar pada tahun 1995 yang melibatkan 6,000 anggotanya diberi kemudahan untuk memahami selok-belok pengurusan ataupun teknik pengurusan yang terkini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi cadangan-cadangan yang tidak dapat saya jawab satu persatu dalam Dewan yang mulia ini, tetapi saya hendak memberi keyakinan kepada semua anggota, termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya tidak sebut satu persatu jawapannya tadi seperti Senator Puan Kamilia umpamanya, yang memberi beberapa cadangan dan saya melihatkan bahawasanya cadangan-cadangannya semua boleh kita ambil kira. Pertama, dia bertanya berkenaan dengan polisi penutupan koperasi. Koperasi akan ditutup sekiranya ia tidak lagi memberi faedah kepada ahli-ahlinya seperti mana objektif asal ianya ditubuhkan dan ahli-ahli sendiri adalah penentu, bukannya orang lain penentu, tetapi ahli-ahli sendiri adalah penentu sama ada ia mahu dibubarkan atau sebaliknya dan kita memerlukan ahli-ahli seramai 3/4 untuk membubarkan koperasi.

Yang Berhormat Puan Kamilia bertanya berapa ramai yang gagal membayar caruman kepada akaun pendidikan koperasi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tidak ada yang gagal kerana pembayaran ini adalah 2% daripada keuntungan bersih koperasi dan ianya dilakukan secara potongan 'compulsory', dengan izin, dan sehingga hari ini tidak ada yang engkar kepada pembayaran 2% bagi tabung pendidikan. Yang kita hendak pinda pada hari ini ialah untuk memberi satu lagi caruman, iaitu untuk memudahkan kutipan bagi menubuhkan satu lagi wang amanah yang di namakan Kumpulan Wang

Amanah Pembangunan Koperasi yang akan dikendalikan akhirnya oleh pihak Angkasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah menyuarakan beberapa pandangan yang mana tidak sempat saya jawab pada petang ini saya memberi keyakinan bahawasanya pihak kementerian melalui pegawai-pegawainya yang ada di belakang saya akan mengambil perhatian yang serius terhadap segala yang ditegur ataupun segala cadangan yang dibuat. Yakinlah bahawa kementerian berasa komited terhadap mewujudkan golongan corporators yang kukuh dan mantap kerana kementerian dan kerajaan meyakini bahawasanya dalam pembangunan yang begitu hebat masih ada lagi ruang bagi gerakan koperasi untuk memainkan peranannya dan kepada kita gerakan koperasi mampu membantu kerajaan dan rakyat negara ini untuk mengatasi masalah-masalah sosial seperti menurunkan angka inflasi, seperti menentukan pengagihan ekonomi yang adil, seperti memupuk semangat kerjasama dan bekerja sama-sama di antara anggota-anggotanya dan lain-lain lagi.

Dengan itu, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada sumbangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan pandangan-pandangan yang sangat membina dan, insya-Allah, akan diperbaiki Jabatan Koperasi Kementerian saya dan gerakan keseluruhannya bersandarkan kepada teguran dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 5** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PIHAK BERKUASA KEMAJUAN  
PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (PINDAAN) 1996**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.53 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972 dibaca kali kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, silakan.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) mempunyai akta penubuhannya sendiri sejak tahun 1972. Walau bagaimanapun, akta penubuhan itu tidak mempunyai peruntukan yang khusus bagi membuat dan melaksanakan peraturan-peraturan tatatertib secara lebih teratur. Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) pada masa ini menerima pakai Perintah Am, Bab 'D' dan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 terhadap kakitangan perkhidmatannya

melalui resolusi yang dibentang dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah seperti dipersetujui oleh menteri di bawah kuasa am yang diberikan dalam akta berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, peraturan-peraturan tata tertib yang sedia ada di badan berkanun ini tidak begitu lengkap. Antara kelemahan-kelemahannya ialah:

- (i) punca kuasa peraturan tata tertib tidak dinyatakan;
- (ii) peraturan berkenaan penubuhan dan perjalanan Jawatankuasa Tata tertib dan Rayuan Tata tertib tidak disediakan;
- (iii) tidak ada peruntukan mengenai surcaj;
- (iv) tidak ada peruntukan mengenai pegawai-pegawai dikenakan perintah tahanan, sekatan kediaman dan sebagainya;
- (v) terdapat peraturan yang tidak konsisten dengan Perintah Am Bab 'D' dan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) 1993.

Maka untuk melengkap dan mengemaskinikan Akta ibu, adalah perlu untuk meminda Akta ibu untuk membolehkan RISDA membuat peraturan tata tertib sebelum peraturan-peraturan tata tertib disediakan. Pindaan ini adalah untuk memasukkan peruntukan-peruntukan baru ke dalam akta. Peruntukan baru dicadangkan bertujuan untuk membolehkan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah membuat peraturan-peraturan berhubung dengan kelakuan dan tata tertib. Peruntukan-peruntukan sedemikian akan membolehkan Jawatankuasa Tata tertib dan Jawatankuasa Rayuan Tata tertib ditubuhkan, juga peruntukan-peruntukan bagi kesalahan dan hukuman tata tertib diadakan.

Peruntukan baru juga dimasukkan bagi membolehkan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah mengenakan surcaj terhadap pegawai-pegawai dan penjawat yang cuai dan tidak menunjukkan accountability dalam urusan kewangan, perakaunan dan pengurusan harta.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini juga bertujuan untuk memasukkan peruntukan baru di dalam akta berkenaan penubuhan Jawatankuasa Perjawatan dan penubuhan Jawatankuasa Rayuan Perjawatan. Peruntukan baru ini bagi membolehkan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah menubuhkan satu jawatankuasa yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara yang berhubung dengan pengurusan, perkhidmatan dan penggunaan sumber manusia pihak berkuasa. Dan dengan itu, berkuasa

dalam semua perkara yang berhubung dengan perlantikan kenaikan pangkat dan penamatan perkhidmatan pegawai-pegawai dengan penjawat-penjawat pihak berkuasa. Jawatankuasa Rayuan Perjawatan pula ditubuh bagi mendengar apa-apa rayuan terhadap keputusan Jawatankuasa Perjawatan berkenaan dengan kenaikan pangkat sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, RISDA perlu mempunyai peraturan-peraturan tata tertib supaya proses tindakan tata tertib ke atas pegawai dan penjawatnya dapat dibuat dengan lebih teratur dan mengikut peraturan bagi mengelakkan penganiayaan dan ketidakadilan ke atas pegawai dan penjawat terlibat. Peraturan-peraturan tata tertib yang sedia ada perlu dipinda bagi mengelakkan kesahihannya dicabar oleh mana-mana pihak. Dengan itu, pindaan dibuat dalam Akta Ibu bagi memberi kuasa kepada RISDA dengan kelulusan menteri untuk membuat peraturan-peraturan tata tertib. Peraturan-peraturan tata tertib yang dibuat di bawah seksyen tersebut meliputi peraturan mewujudkan syarat tata tertib, hukuman tata tertib serta prosiding tata tertib.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 11A, seksyen-seksyen berikut:

Seksyen 11B - peruntukan bagi penubuhan Jawatankuasa Perjawatan dan Jawatankuasa Rayuan Perjawatan.

Seksyen 11C - peruntukan bagi penubuhan Jawatankuasa Tata tertib bagi kategori berlainan pegawai atau penjawat-penjawat.

Seksyen 11D - peruntukan membenarkan rayuan dibuat kepada menteri atau Lembaga Rayuan Tata tertib mengikut mana yang berkenaan terhadap keputusan Jawatankuasa Tata tertib.

Seksyen 11F - peruntukan bagi memberi kuasa kepada pihak berkuasa, dengan kelulusan menteri, untuk membuat peraturan-peraturan bagi mengadakan peruntukan mengenai kesalahan dan hukuman tata tertib.

Seksyen 11G, 11H, 11I, 11J dan 11K adalah peruntukan berhubung dengan pengenaan surcaj terhadap mana-mana pegawai yang sedang atau telah bekerja dengan pihak berkuasa, dan juga surcaj kepada Ketua Pengarah serta komposisi pihak berkuasa bagi maksud tindakan-tindakan surcaj yang berkaitan. Dengan adanya peruntukan-peruntukan tersebut dalam Akta ibu, peraturan-peraturan tata tertib yang khusus dapat diadakan oleh pihak berkuasa dan membolehkan proses tindakan tata tertib ke atas penjawat dibuat dengan teratur dan mengikut peraturan serta mengelak ketidakadilan ke atas pegawai dan penjawat tersebut. Terima kasih.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya minta kalau boleh beri guide line sedikit, ada empat-lima perkara penting di situ, iaitu tata tertib, surcaj kalau salah tentang kewangan, Jawatankuasa Perjawatan dan Rayuan dan juga kuasa menteri berkaitan

perkara-perkara itu, kalau boleh kita bataskan perbahasan kita tentang perkara-perkara penting. Silakan.

**6.00 ptg.**

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun bagi mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Pindaan) 1996.

Sebagaimana yang diterangkan tadi, kita faham dan akta ini amat perlu dipinda kerana dulu kita merupakan satu sejarah dalam Risdas yang mana salah seorang dari pengarahnya telah diambil tindakan buang kerja dan beliau merayu melalui mahkamah dan beliau telah memenangi kes itu dan ini merupakan satu tamparan hebat kepada pihak kerajaan sendiri yang mana tata tertib tidak boleh diambil dengan sempurna. Dengan adanya undang-undang ini saya rasa kita dapat melicinkan lagi pentadbiran melalui Risdas. Saya tidak ingin mengambil masa yang panjang untuk membahaskan rang undang-undang ini memandangkan banyak lagi rang undang-undang yang harus diperluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Saya ingin menyentuh sedikit, saya ingin mengucapkan syabas kepada pihak Risdas ataupun pekebun kecil yang berjaya membina kilang memproses kayu getah yang bernilai berjuta-juta ringgit. Kita kagum kerana pihak Risdas dapat membangunkan sumber-sumber asli ini melalui getah hingga ke kayunya sekali. Akan tetapi saya ingin menyampaikan rungutan dan sungutan rakyat kepada Dewan yang mulia ini apabila pihak Risdas menjalankan usaha samanya dengan pihak swasta memproses kayu getah timbullah masalah-masalah di kalangan pekebun kecil sebagaimana yang kita tahu bahawa kayu getah merupakan satu bahan yang amat berharga sekarang ini. Kayu getah, untuk maklumat Dewan yang mulia ini, lebih mahal daripada kayu meranti. Kalau kayu meranti untuk pasaran tempatan pada kadar RM850 tiap-tiap satu tan atau 50 kaki padu, akan tetapi kayu getah mencapai RM1,400 apabila setelah siap diawet di dalam clean dry, dengan izin.

Akan tetapi tekanan kepada pihak pekebun kecil adalah tentang harga pembelian kayu. Pihak Risdas menetapkan harga kayu yang ada untuk ditanam semula itu dengan kadar mereka sendiri iaitu lebih kurang 30% hingga 40% daripada pasaran terbuka. Ini amat mengecewakan pekebun kecil dan kata dua diberikan kepada pekebun kecil; kalau tidak mahu jual kayu kepada pihak Risdas, kami tidak akan bayar wang bantuan. Apakah kita sedar bahawa bantuan yang dikeluarkan oleh Risdas untuk

menanam semula bukannya sumber daripada kerajaan, itu adalah cukai ses. Cukai ses yang dibayar oleh pekebun-pekebun kecil berpuluh tahun. Malah, kalau tua kebunnya 60 tahun, 60 tahunlah dia sudah bayar. Kalau 30 tahun umur pokok getah, 30 tahunlah. Tiap-tiap kilo getah yang dijual kena bayar cukai, bukannya percuma bantuan itu. Bantuan itu dikutip daripada rakyat, dikembalikan balik kepada rakyat.

Janganlah pihak Risda untuk mengambil keuntungan, untuk membina empayarnya sendiri menekan pekebun kecil. Mereka agak kecewa kerana ladang-ladang getah yang dimiliki oleh korporat-korporat, pembeli-pembeli kayu getah membayar RM1,500. Tetapi, apabila pekebun kecil menanam getahnya semula hanya RM500, perbezaan RM1,000, amat besar kepada pekebun kecil. Dia boleh menyara anak-anak dia, dia boleh beli buku dengan duit RM1,000 untuk sekolah anak dia, dia boleh beli motosikal. Ini harus kita ingat dan teliti. Kita bangga Risda dapat membina satu kilang yang amat besar di negeri Perak yang bernilai RM60 juta, lengkap dengan clean drynya, beribu-ribu tan boleh masuk pada satu-satu masa akan tetapi di samping itu ada kesan sampingannya kepada peserta-peserta pekebun kecil.

Itulah banyak sungutan-sungutan daripada pekebun-pekebun kecil. Kalau kita hendak singkap perkara ini memang banyak perkara ini yang perlu kita buat teguran-teguran sebagaimana rakan saya tadi ketika membahaskan Rang Undang-undang Koperasi tadi juga terlibat dengan Risda, Aspek dan sebagainya. Ini memang berlaku. Kalau kita hendak sentuh, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh hendak bahaskan lagi rang undang-undang yang banyak lagi disenaraikan ini.

Baru-baru ini juga dikejutkan apabila ada pihak pekebun kecil, mendapat RM500, dia merasakan perkara ini satu tekanan kepada dia, dia membawa pihak Risda ke mahkamah. Dan perkara ini berlaku di negeri Perak, masih dalam legal action atau tindakan mahkamah kerana pekebun kecil itu menyaman Risda, apakah hak mereka di dalam pembayaran kewangan ini. Kita masih menunggu keputusan mahkamah, sama ada mahkamah memihak kepada pekebun kecil atau memihak kepada Risda tetapi masa sekarang saya rasa mahkamah belum membuat keputusan lagi.

Jadi, saya rasa itulah sahaja yang perlu kita peka terhadap tekanan-tekanan pihak Risda kepada pekebun kecil, di samping dia memberi khidmat, dia harus juga mengambil kira kerugian-



kerugian yang ditanggung oleh pekebun kecil. Saya rasa itulah sahaja dan menyokong usul ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada perbincangan, pihak menteri menjawab, silakan.

**6.07 ptg.**

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Mustaffa Kamal yang telah membincang mengenai rang undang-undang untuk meminda Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972. Kita berterima kasih atas pandangan beliau dan tegurannya akan diambil perhatian oleh kementerian tetapi ingin saya menekankan di sini bahawa seperti yang telah diuraikan pada mula tadi tujuan kita untuk membentangkan rang undang-undang ini adalah untuk mengemaskinikan segala usaha untuk menentukan apa-apa disiplin, apa-apa masalah mengenai tata tertib dapat dijalankan dengan kemas dan lebih licin. Tujuan kita adalah supaya Risda dapat memainkan peranannya dengan lebih berkesan untuk menjaga kebajikan begitu ramai pekebun-pekebun kecil di seluruh negara.

Yang Berhormat Mustaffa Kamal tadi telah membawa satu perkara iaitu mengenai masalah yang timbul hasil dari keputusan kerjasama di antara pihak Risda dan pihak swasta. Memang kementerian sedar, pelbagai masalah yang timbul tetapi saya di sini, ingin menafikan bahawa yang pertama, sejauh mana kami sedar Risda tidak menetapkan harga kayu kepada pekebun-pekebun kecil. Ianya akan dirundingkan mengikut harga pasaran. Mengenai syarat-syarat di mana pekebun-pekebun kecil itu dikehendaki untuk menjual getah kepada syarikat koperasi kalau dia hendak menikmati bantuan tanaman semula ini, memang mulanya itulah syaratnya tetapi lepas kita mendengar sungutan dan rayuan dari pekebun-pekebun kecil, maka peraturan ini pun telah dibatalkan.

Jadi, mulai sekarang, tidak perlulah pekebun kecil ataupun pekebun kecil tidak dipaksa untuk menjual kayu getah itu kepada syarikat tersebut. Mereka boleh menjualnya kepada mana-mana pihak swasta yang dapat membeli kayu getah dengan harga yang begitu baik. Keputusan ini diambil kerana kementerian sedar bahawa tidak adil bagi kita untuk menekan ataupun

mengenakan harga yang rendah kepada pekebun-pekebun kecil kerana tujuan kita mengadakan RISDA ialah untuk membantu pekebun-pekebun kecil supaya pendapatan mereka dapat ditingkatkan, supaya kebajikan mereka dapat diperbaiki, supaya mereka dapat sama-sama menikmati kemakmuran negara. Dan oleh itu, maka keputusan-keputusan dibuat mengenai perkara yang disentuh tadi.

Itulah sahaja perkara-perkara yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat yang saya hendak jawab dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan kalau ada perkara yang tidak saya jawab, kementerian akan mengambil tindakan kepada perkara-perkara tersebut. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN PAHANG  
TENGGARA (PINDAAN) 1996**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**6.14 ptg.**

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara 1972 dibaca kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) mempunyai akta penubuhannya sendiri sejak tahun 1972. Walau bagaimanapun, akta penubuhan itu tidak mempunyai peruntukan yang khusus bagi membuat dan melaksanakan peraturan-peraturan tatatertib secara yang lebih teratur.

Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara pada masa ini menerima pakai Perintah Am Bab D dan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 terhadap kakitangan perkhidmatannya melalui resolusi yang

dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara serta dipersetujui oleh menteri di bawah kuasa am yang diberikan dalam akta berkenaan kepada menteri bagi membuat peraturan-peraturan yang diperlukan dalam pengurusan badan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, peraturan-peraturan tatatertib yang sedia ada di lembaga tidak begitu lengkap. Kelemahan-kelemahannya adalah:-

- (i) punca kuasa peraturan tatatertib tidak dinyatakan;
- (ii) peraturan berkenaan penubuhan dan perjalanan jawatankuasa tatatertib dan rayuan tatatertib tidak disediakan;
- (iii) tidak ada peruntukan mengenai surcaj;
- (iv) tidak ada peruntukan mengenai pegawai-pegawai yang dikenakan perintah tahanan sekatan kediaman dan sebagainya;
- (v) terdapat peraturan yang tidak konsisten dengan Perintah Am Bab D dan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Tuan Yang di-Pertua, maka adalah perlu untuk meminda akta ibu untuk membolehkan DARA untuk membuat peraturan-peraturan tatatertib. Pindaan ini adalah untuk memasukkan peraturan-peraturan baru di dalam akta. Peruntukan baru yang dicadangkan bertujuan untuk membolehkan Lembaga

Kemajuan Pahang Tenggara membuat peraturan-peraturan berhubung dengan kelakuan dan tata tertib. Peruntukan-peruntukan sedemikian akan membolehkan jawatankuasa tata tertib dan jawatankuasa rayuan tata tertib ditubuhkan, juga peruntukan-peruntukan bagi kesalahan dan hukuman tata tertib diadakan.

Peruntukan baru juga dimasukkan bagi membolehkan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara mengenakan surcaj terhadap pegawai-pegawai dan penjawat yang cuai dan tidak menunjukkan akauntabiliti dalam urusan kewangan, perakaunan dan pengurusan harta.

Tuan Yang di-Pertua, DARA perlu mempunyai peraturan-peraturan tata tertib supaya proses tindakan tata tertib ke atas pegawai dan penjawat dapat dibuat dengan lebih teratur dan mengikut peraturan bagi mengelakkan penganiayaan dan ketidakadilan ke atas pegawai dan penjawat terlibat.

Peraturan-peraturan tata tertib yang sedia ada perlu dipinda bagi mengelakkan kesahihannya dicabar oleh mana-mana pihak. Dengan itu, pindaan dibuat dalam akta ibu bagi memberi kuasa kepada Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara dengan kelulusan menteri untuk membuat peraturan-peraturan tata tertib. Peraturan-peraturan tata tertib yang dibuat di bawah seksyen tersebut meliputi peraturan mewujudkan kesalahan tata tertib, hukuman tata tertib serta prosiding tata tertib.

Tuan Yang di-Pertua, akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 16, seksyen-seksyen berikut:-

- (i) seksyen 16A adalah peruntukan bagi penubuhan jawatankuasa tatatertib bagi kategori berlain pegawai atau penjawat-penjawat;
- (ii) seksyen 16B adalah peruntukan membenarkan rayuan dibuat kepada menteri atau Lembaga Rayuan Tatatertib mengikut mana yang berkenaan terhadap keputusan jawatankuasa tatatertib;
- (iii) seksyen 16C adalah peruntukan bagi memberi kuasa kepada lembaga dengan kelulusan menteri untuk membuat peraturan-peraturan bagi mengadakan peruntukan mengenai kesalahan dan hukuman tatatertib;
- (iv) seksyen 16D, 16E, 16F, 16G dan 16H adalah peruntukan-peruntukan berhubung dengan pengenaan surcaj terhadap mana-mana pegawai yang sedang atau telah bekerja dengan pihak berkuasa dan juga surcaj kepada pengurus besar serta komposisi pihak berkuasa lembaga bagi maksud tindakan-tindakan surcaj yang berkaitan.

Dengan adanya peruntukan-peruntukan tersebut dalam akta ibu, peraturan-peraturan tatatertib yang khusus dapat diadakan oleh lembaga dan

membolehkan proses tindakan tatatertib ke atas pegawai dan penjawat dibuat dengan teratur dan mengikut peraturan serta mengelakkan ketidakadilan ke atas pegawai dan penjawat terlibat. Terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tidak ada orang hendak membahas nampaknya.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, ada! Saya ingat tidak ada yang bangun, sebab tidak nampak.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Saya memang bangun hendak cadangkan Tuan Yang di-Pertua....

**6.18 ptg.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Nantilah dulu! Saya beri kebenaran atau tidak. Teruskan Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali. Sudah diberi kebenaran.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Saya hendak cadangkan, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan ini banyak dan saya tengok ianya sama sahaja, mempunyai semangat yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Jadi, saya pun tidak ada banyak hendak bahas kerana sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha

Parlimen tadi, memang kalau hendak dibahas, adalah kita hendak komen, hendak kritik sedikit-sedikit hal Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara ini.

Jadi, saya hendak mintalah kalau boleh Yang Berhormat tolong perjelaskanlah tentang taraf hidup peneroka-peneroka dalam Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara setakat ini dan bilakah lembaga ini akan diperbadan ataupun diswastakan sebagaimana diura-urakan sebelum ini?

Yang lain tidak adalah, saya hendak minta penjelasan tentang itu sahajalah supaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun ada kerjalah sedikit untuk menjawab, janganlah berlalu free sahaja. Cuma selepas ini saya cadangkan supaya kita tidak membahastah supaya kita dapat menumpukan esok Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan, Rang Undang-undang Angkatan Tentera dan Rang Undang-undang Institut Teknologi MARA. Ini lebih penting, sebab kita ada sehari lagi. Jadi, saya sokong sebulat suara.

Terima kasih. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap, soalnya kalau mengikut kronologinya kita kena bentang satu persatulah. Tetapi saya faham boleh dikatakan semua yang berkaitan dengan Lembaga Kemajuan Wilayah ini pindaannya lebih kurang sama sahaja, semuanya berkaitan dengan tata tertib, surcaj dan sebagainya.

Soal prosedurnya sekarang kita hendaklah selesaikan dahulu, kita hendaklah sekali gus membentangkan ataupun dibentangkan tidak ada bahas, terus diterima sahaja?

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya kira kita kena bentang ikut peraturan, tetapi kita kira....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita bentang satu persatu.



**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Kita nanti setujuhlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik. Jadi, kalau untuk yang ini, sebenarnya tidak ada perbahasan, tetapi kalau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen hendak menjawab situasi tanpa perbahasan itu, sila jawab.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang berterima kasihlah kepada rakan saya Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali atas cadangan beliau bahawa kita luluskan semua rang undang-undang yang lain ini tanpa bahas, kerana kalau Yang Berhormat dengar pembentangannya yang tidak sama adalah nama lembaga, yang lain itu semua sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sama.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Saya setuju. Tetapi saya hendak jelaskan mengenai dua perkara yang dipohon oleh Yang Berhormat tadi, yang pertama adalah mengenai keadaan di LKW ini.

Suka saya menjelaskan di sini, saya fikir Yang Berhormat sendiri pun tahu bahawa semenjak LKW telah ditubuhkan di seluruh negara, Lembaga Kemajuan Wilayah ini telah pun berjaya memainkan peranan mereka untuk membangunkan kawasan masing-masing dan untuk mencapai tujuan dan matlamat yang telah diamanahkan oleh kerajaan kepada LKW ini.

Tidak dapat dinafikan pembangunan di kawasan-kawasan tersebut seperti infrastruktur dan berbagai kemajuan-kemajuan yang lain untuk mengatasi masalah kemiskinan, masalah ekonomi dan sebagainya juga banyak

telah dicapai oleh Lembaga Kemajuan Wilayah di seluruh negara. Maka dalam pandangan kerajaan adalah tiba masanya untuk melihat kedudukan LKW ini dalam konteks pembangunan kita ke arah Wawasan 2020, sama ada perlu kita mewujudkan LKW ini lagi ataupun wujud dalam bentuk yang lain, yang boleh memainkan peranan yang lebih berkesan untuk membantu memajukan kawasan masing-masing khususnya dan negara keseluruhannya.

Setakat ini kerajaan sedang menimbang perkara ini dan keputusannya tidak lama lagi akan dibuat. Saya percaya itulah beberapa perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat tadi dan sekali lagi diucapkan terima kasih atas 'kebijaksanaan' beliau mencadangkan supaya kita meluluskan segala rang undang-undang ini tanpa bahas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tertarik dengan perkataan 'kebijaksanaan beliau' dalam membahaskan perkara ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN  
TERENGGANU TENGAH (PINDAAN) 1996**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**6.24 ptg.**

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta panduan dari Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** .... sama ada saya perlu membaca huraian sepenuhnya ataupun sekadar membuat cadangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cadangan tidak payah.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tidak payah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu ayat pun cukup.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda

Akta Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah 1973 bagi membuat peruntukan dan membolehkannya membuat peraturan-peraturan tatatertib dibaca kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah 1973 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

***[Tiada perbahasan]***

Oleh kerana tidak ada perbahasan, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

**Fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN  
SELATAN (PINDAAN) 1996**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**6.27 ptg.**

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan 1978, bagi membuat peruntukan dan membolehkannya membuat peraturan-peraturan tatatertib dibaca kali yang kedua sekarang.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan 1978 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

***[Tiada perbahasan]***

Oleh kerana tidak ada perbahasan, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*

